

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 18 - 24 MEI 2023

www.selangorkini.my

Tambah RM50 juta lancar turap jalan

Kerja besar-besaran dibuat di seluruh negeri mulai bulan ini bagi memastikan keselesaan orang ramai. Setiap tahun, sebanyak RM500 juta disediakan bagi memperbaiki dan menyelenggara laluan rosak

MUKA 3

El Nino: Empangan air mencukupi

Walau berdepan fenomena itu yang diramal bermula bulan depan, penyaluran air kepada orang ramai tidak terjejas berikutan semua empangan dan kolam takungan mampu menampung bekalan sehingga enam bulan

MUKA 2




Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani di Taman Sri Gombak, Gombak yang dihadiri kira-kira 35,000 pengunjung pada 14 Mei 2023. Foto AHMAD ZAKKI JILAN ▶ BERITA MUKA 5

pancawarna

Pesona karya agung al-Ghazali

Gaya bahasa mudah kupas persoalan rumit


9



Membongkar sisi licik Mahathir

Buku terjemahan dedah kontroversi pentadbiran PM4

11



Larang ibu ke dapur malam raya

Pelakon Syafie Naswip masak sendiri juadah Aidilfitri

14



Kabinet perakui enakmen negeri

SHAH ALAM - Kerajaan persekutuan menerima pakai ketetapan enakmen negeri dan titah Yang di-Pertuan Agong pada Februari 2023 untuk mengekalkan dasar sedia ada berhubung penggunaan kalimah Allah, kata perdana menteri.

"Jemaah Menteri menegaskan bahawa kerajaan menghormati, memperakui, dan menerima pakai ketetapan enakmen negeri-negeri dan titah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7 Februari 2023 yang menzahirkan agar dikekalkan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa berhubung isu penggunaan kalimah Allah," kata Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kenyataan.

Beliau berkata kerajaan juga sentiasa mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, terutama Perkara 3 berhubung Islam sebagai agama persekutuan dan agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai.

MB mengadap bulan depan

GOMBAK - Dato' Menteri Besar akan mengadap Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor bagi memohon perkenan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) bulan depan.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata sebarang keputusan yang dimuktamadkan Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj akan diumumkan selepas pertemuan itu.

"Insyallah kita akan mengadap sebelum Tuanku pergi menunaikan haji kalau dah balik haji dah tak boleh sebab akan terubur automatik pada 25 Jun.

"Nanti bila kita dah umum kita akan mengadap tapi ada proses kita kena tunggu masa yang sesuai sebab ini masih lagi Mei belum lagi Jun.

"Kita dah mula berbincang tapi keputusan itu keputusan Tuanku," katanya ketika ditemui di program Rewang Sekampung Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani di Taman Sri Gombak pada 14 Mei.

Teguh junjung titah Sultan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj yang melarang penggunaan kalimah Allah oleh penganut bukan Islam seperti termaktub dalam enakmen.

Pendirian ini selaras keputusan Mahkamah Persekutuan pada 2014 dan fatwa yang diwartakan di Selangor pada 18 Februari 2010 berkaitan perkara sama, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam kenyataan.

Tambahnya, Kerajaan Negeri me-

negaskan hak dan enakmen sedia ada khususnya Enakmen Ugama Bukan Islam (Pengawalan Perkembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988 akan terus dipertahankan.

"(Pendirian) ini bermaksud perkembangan ini tidak akan menjejaskan atau mengancam pendirian Kerajaan Negeri berhubung penggunaan kalimah Allah," katanya pada 17 Mei.

Amirudin turut menegaskan Kerajaan Negeri melindungi kepercayaan bahawa agama harus dihormati dan tidak menggugat keharmonian yang

telah dibina dan menjadi asas kepada Selangor.

Sementara itu, Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menyeru kerajaan persekutuan meneruskan rayuan isu penggunaan kalimah Allah agar keputusan itu menjadi rujukan lebih muktamad.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof menegaskan kalimah Allah tidak boleh digunakan oleh penganut bukan Islam seperti termaktub dalam Enakmen Ugama Bukan Islam (Pengawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) 1988.

Lapan sesi antaranya perbincangan, zikir

Angkat karya agung al-Ghazali

SHAH ALAM - Umat Islam berpeluang mengikuti majlis telaah kitab Ihya Ulumuddin karangan Imam al-Ghazali dalam Festival Turath Islami Selangor melibatkan tokoh ulama antarabangsa dan tempatan.

Bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah dan bekas Pengerusi Nahdhatul Ulama Dr KH Said Aqil Siradj antara ilmuwan utama dalam program anjuran Kerajaan Negeri antara 20 hingga 25 Mei.

Ulama terkenal Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni dari Pattani, Thailand memimpin acara talaqqi kitab itu sempena prapelanaran festival tersebut di Kediaman Dato' Menteri Besar pada 1 Mei.

Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah Pattani Baba Haji Ghazali Ahmad Al-Fathoni dan Profesor Madya Fakulti Undang-Undang Universiti Monash, Australia Dr Nadirsyah juga terlibat.

Tokoh tempatan pula Pemegang Kerusi al-Ghazali di Institut Antara-

bangsa Pemikiran dan Peradaban Islam (ISTAC) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Prof Emeritus Datuk Dr Osman Bakar.

Turut sama, Mufti Selangor Dato' Setia Dr Anhar Opir, Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr Luqman Abdullah dan Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Prof Datuk Dr Muhammad Nur Manuty.

Lapan majlis itu, yang mengandungi beberapa sesi, ialah:

- Daurah Afkar (20 hingga 21 Mei) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- Jamuan Mahabbah Ulama-Umara (21 Mei) di Hotel Concorde, Shah Alam
- Seminar Penghayatan Ihya Ulumuddin (22 Mei) di Hotel Concorde, Shah Alam
- Majlis Zikir Darul Ehsan (22 Mei) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

- Sama' Sifat Nabi (23 Mei) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- Munaqasyah Ilmiah (24 Mei) di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak
- Himpunan Ilmuwan Muda Timur Tengah (24 Mei) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- Muzakarah Ulama-Umara (25 Mei) di Hotel Concorde, Shah Alam

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin dijadual hadir dalam sebahagian program berkenaan.

Festival itu diadakan bersempena projek terjemahan 10 jilid kitab Ihya Ulumuddin yang dijayakan Kerajaan Selangor.

Maklumat lanjut dan pendaftaran boleh dibuat menerusi www.turathislamiselangor.com

Program utama dipancar secara langsung di Facebook Media Selangor dan YouTube SelangorTV.

Bekalan air bertahan enam bulan

PETALING JAYA - Semua empangan di Selangor mampu bertahan hingga enam bulan walaupun negeri berdepan cuaca panas dan fenomena El Nino yang diramal pada bulan depan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata jangkaan tersebut berdasarkan tahap kapasiti maksimum yang direkod di setiap empangan dan kolam takungan.

"Saya baru bertanya kepada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengenai paras air dan kolam takungan yang dipantau setiap masa.

"Setakat ini, saya dimaklumkan kita mampu bertahan sehingga enam bulan kalau tiada air atau hujan sedikit," katanya pada 13 Mei.

Menjelaskan LUAS membuat pemantauan setiap masa dan memaklumkan perubahan berkaitan isu bekalan air, Amirudin yakin hujan kembali banyak menjelang September dan Oktober.

Sementara itu, projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) yang menelan kos RM300 juta bagi menangani masalah gangguan bekalan air dijangka siap pada Oktober.

Amirudin yakin projek merangkumi empat fasa tersebut mengurangkan risiko gangguan bekalan akibat pencemaran dari hulu ke hilir Sungai Selangor.

"Berdasarkan laporan LUAS, semua empangan mampu bertahan empat hingga enam bulan jika negeri berdepan cuaca panas atau fenomena El Nino.

"Selain (empangan), tambahan lain kita mahu buat adalah memperbanyak simpanan air mentah menerusi projek SJAM," katanya pada 13 Mei.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas





TERBAIK... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim (dua, kanan) berkenan menyampaikan hadiah kepada johan qariah Nor Ruzana Natiah Jaafar sempena Tilawah dan Hafazan Al-Quran peringkat negeri di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 12 Mei. Foto REMY ARIFIN ► BERITA MUKA 20

Tambahan dana RM50 juta

Kerja turap jalan bermula bulan ini

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

SHAH ALAM - Kerja penurapan jalan secara besar-besaran di seluruh negeri ini bermula pada bulan ini, kata EXCO infrastruktur dan kemudahan awam.

Ir Izham Hashim berkata projek melibatkan kos RM50 juta itu dijayakan bagi meningkatkan kemudahan orang ramai yang dibuat secara menyeluruh.

Beliau juga menjelaskan peruntukan tersebut sebagai tambahan kepada dana RM500 juta pada setiap tahun bagi menguruskan semua jalan negeri.

"Ada lebih 20,000 jalan raya untuk diurus dan agak sukar kerana banyak kenderaan. Penggunaan jalan begitu kerap, ditambah tanah lembut mengakibatkan jalan mudah rosak," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program temu bual Selamat Pagi Ma-

laysia di saluran TV1 pada 16 Mei.

Pada Januari, Ir Izham mengumumkan projek penurapan itu melibatkan semua laluan selain turut meminta kerajaan pusat supaya memantau jalan persekutuan yang perlu melalui proses sama.

Beliau sudah menyampaikan perkara itu kepada menteri dan ketua pengarah Jabatan Kerja Raya supaya jalan persekutuan di Selangor termasuk lebuh raya dalam keadaan baik.

Baiki lebih 46,000 laluan rosak

SHAH ALAM - Sebanyak 46,851 jalan negeri yang rosak membabitkan semua daerah di Selangor dibaiki sejak 2021 hingga 31 Mac.

Sebanyak 11,497 tampalan dibuat di Petaling, Kuala Langat (8,198), Sabak Bernam (6,960), Klang (6,692), Hulu Langat (4,830) Sepang (3,111), Kuala Selangor (2,333), Gombak (2,236) dan Hulu Selangor (994).

Menurut Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), anak syarikatnya Infrasel Sdn Bhd (Infrasel), mula menyelenggara jalan negeri sejak 2021 melalui konsesi Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor.

Kerosakan dikesan menerusi Aplikasi Penilaian Jalan Pintar (i-RAA) dan Sistem Penilaian Kerosakan Rangkaian Jalan Raya (Road Network Defect Assessment atau RONDA) yang dibangunkan Selgem Sdn Bhd (Selgem), sebuah lagi anak syarikat bawah KSSB.

i-RAA dan RONDA hasil teknologi yang dibangunkan untuk meningkatkan kecekapan penyelenggaraan jalan negeri bagi keselesaan serta meningkatkan tahap keselamatan pengguna.

Mac tahun lalu, Dato' Menteri Besar

Dato' Seri Amirudin Shari melancarkan i-RAA yang berasaskan sistem kecerdasan buatan (AI) bagi memantau laluan dan cerun rosak dengan pantas.

RONDA pula membantu JKR dan Infrasel menjalankan kerja penyelenggaraan melalui data kerosakan jalan yang diperoleh daripada sistem tersebut.

Penyelenggaraan lebuh raya pula bawah tanggungjawab syarikat konsesi manakala jalan persekutuan dibiayai serta disenggara kerajaan persekutuan. Jalan pihak berkuasa tempatan, kampung dan pertanian diurus agensi negeri lain.

Agih lembu, kambing korban

GOMBAK - Tradisi sumbangan lembu dan kambing kepada masjid, surau serta badan bukan kerajaan (NGO) diteruskan sempena sambutan Aidiladha pada tahun ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan dana bagi menjayakan perkara tersebut diluluskan, sama seperti beberapa tahun sebelumnya.

"(Untuk) Aidiladha memang ada rancangan tetapi kita tidak buat jelajah seperti Aidilfitri. Kita akan serahkan lembu korban di masjid, surau, pusat khidmat dan NGO," katanya pada 14 Mei.

Pada 7 Mei, EXCO Pemodelan Pertanian Ir Izham Hashim berkata RM6 juta diperuntuk bagi sumbangan ibadah korban melibatkan agihan 1,000 kambing dan 700 lembu.

Beliau berkata peruntukan tahun ini bertambah berbanding tahun lalu berikutan kenaikan harga lembu.

100 kolam, tasik atasi kemarau

SHAH ALAM - Hampir 100 kolam dan tasik dikenal pasti untuk digunakan ketika musim banjir atau kemarau di bawah projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM).

EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam Ir Izham Hashim berkata kawasan tersebut bertindak sebagai penampungan untuk menampung bekalan air jika berlaku situasi luar jangka.

"Jumlah air di kolam ini hampir 34 juta meter padu dan bagi penggunaan seluruh Selangor, mampu bertahan tiga bulan sekiranya tiada hujan.

"Selangor negeri pertama yang buat dan kita lihat isu ini secara holistik serta bersepadu supaya isu air lebih terjamin pada masa depan," katanya pada 16 Mei.

Sejumlah RM332 juta diperuntuk bagi menjayakan SJAM dalam Belanjawan Selangor tahun ini.

Saringan percuma mulai 21 Mei

SHAH ALAM - Selangor Saring fasa dua kini kembali pada setiap hujung minggu dan daerah Petaling menjadi lokasi pertama program di Dewan MBSA, Paya Jaras Tengah pada 21 Mei.

EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud menerusi Facebook mengajak penduduk sekitar hadir bersama keluarga ke program itu mulai 9 pagi hingga 3 petang.

"Tidak terhad kepada warga emas, golongan muda berusia 18 tahun ke atas amat digalakkan untuk menjalani saringan pemeriksaan kesihatan yang dianjurkan di pelbagai lokasi di seluruh negeri berkesepakan jelajah.

"Bukan setakat pemeriksaan fizikal, pengambilan sampel untuk ujian darah, air kencing dan empat jenis barah juga tersedia. Peserta juga boleh membuat pemeriksaan mata, gigi, telinga dan fisioterapi."



SELANGOR MELINDUNGI ANDA DAN KELUARGA

SKIM INSURANS PERCUMA



- PERLINDUNGAN INSURANS AM BERKUMPULAN KEPADA **6 JUTA RAKYAT SELANGOR**
- DITAWARKAN KEPADA INDIVIDU BERUMUR BERMULA DARI **30 HARI SEHINGGA 80 TAHUN**
- PERLINDUNGAN INSURANS SEHINGGA **RM10,000** UNTUK HILANG KEUPAYAAN KEKAL DAN KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN

PENDAFTARAN BERMULA PADA

1 OKTOBER 2022

SEHINGGA

30 SEPTEMBER 2023

TEMPOH INSURANS SELAMA

12 BULAN

DARI TARIKH POLISI

DIKELUARKAN

PENDAFTARAN MELALUI

APLIKASI

WAVPAY

E-WALLET

*TERTAKLUK KEPADA TERMA & SYARAT



ADAKAH ANDA LAYAK UNTUK MENDAFTAR?



ANDA LAYAK JIKA
NOMBOR KAD PENGENALAN ANDA DIDAFTARKAN DI NEGERI SELANGOR



ATAU
ALAMAT TERKINI ANDA DIDAFTARKAN DI DALAM NEGERI SELANGOR



ATAU
ANDA ADALAH PENGUNDI UNTUK NEGERI SELANGOR

BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?

1



MUAT TURUN, PASANG DAN DAFTAR AKAUN APLIKASI WAVPAY E-WALLET

Download on the App Store | GET IT ON Google Play

2



KLIK PADA BANNER PROGRAM

3



LENGGAPKAN MAKLUMAT SEHINGGA PROSES SELESAI

Khidmat Pelanggan

Talian 1 +60162504199
Talian 2 +60164354199
Talian 3 +60164474199
Talian 4 +60162534199
Talian 5 +60162514199

E-mel : Insanbantuan@wavpay.net
Info lanjut, sila layari www.wavpay.net

 www.wavpay.net
 [Wavpay System](#)
 [@wavpay](#)

Imbas untuk muat turun aplikasi



Daftar skim insurans perlindungan RM10,000

SHAH ALAM - Penduduk di negeri ini dipelawa mendaftar Skim Insurans Am Selangor (INSAN) yang memberi perlindungan sehingga RM10,000 mulai 1 Oktober tahun lalu.

Perlindungan insurans berkumpulan yang dilaksanakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI ditawarkan kepada individu berusia 30 hari hingga 80 tahun.

Pemegang nombor kad pengenalan negeri ini atau pengundi Selangor layak mendaftar inisiatif berkenaan.

Pendaftaran dibuka sehingga 30 September 2023. Maklumat lanjut layari laman sesawang www.wavpay.net

Berikut langkah-langkah mendaftar INSAN:

- Muat turun aplikasi e-dompet Wavpay App Store atau Google Play
- Daftar sebagai pengguna Wavpay, isi butiran peribadi termasuk gambar depan dan belakang MyKad
- Selepas berjaya daftar, klik pada imej program INSAN
- Lengkapkan maklumat hingga selesai
- Pemohon berjaya boleh akses e-sijil insurans

JER diiktiraf Malaysia Book of Records

Sedia gabung dua jualan murah

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Inisiatif jualan murah anjuran Selangor, Jelajah Ehsan Rakyat (JER) diteruskan dengan beberapa penambahbaikan antaranya menyelaraskan dengan Jualan Rahmah yang diperkenalkan Putrajaya.

Dato' Menteri Besar berkata jumlah serta jenis barangan asas di setiap lokasi jualan murah bertambah sekali gus memanfaatkan lebih ramai rakyat di negeri ini.

"Kita akan teruskan (jualan murah). Ia akan lebih hebat apabila kita bergabung dengan Kementerian Perda-

gangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menerusi Jualan Ehsan Rahmah.

"Jadi, jumlah produk akan bertambah, penjimatan-punya juga bertambah dan kita harap dapat memanfaatkan lebih ramai rakyat di negeri ini. Kita harap dapat dilaksanakan bulan depan tertakluk kepada perbincangan lanjut," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 15 Mei.

Sementara itu, Perbadanan Kema-juan Pertanian Selangor (PKPS) menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi jualan ayam dan telur bersubsidi terbesar da-

lam tempoh dua hari sempena Aidilfitri.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata Jualan Mega Ehsan Aidilfitri (JMEA) pada 15 dan 16 April itu mencatat jualan sebanyak 30,000 ekor ayam dan 10,712 papan telur.

"Pengiktirafan ini menjadi pemangkin semangat kepada PKPS untuk meneruskan inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu mengurangkan beban rakyat berpendapatan rendah," katanya.



WAKTU SOLAT	18-24 MEI 2023 27 SYAWAL - 4 ZULKAEDAH 1444	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
18 Khamis		5:40	5:50	7:01	1:12	4:35	7:20	8:34	05:41	05:51	07:02	1:13	4:36	7:20	8:34	05:41	05:51	07:02	1:15	4:37	7:23	8:36
19 Jumaat		5:40	5:50	7:01	1:12	4:35	7:20	8:34	05:41	05:51	07:02	1:13	4:36	7:20	8:34	05:41	05:51	07:02	1:15	4:38	7:23	8:36
20 Sabtu		5:40	5:50	7:01	1:13	4:35	7:20	8:34	05:41	05:51	07:02	1:13	4:36	7:20	8:34	05:41	05:51	07:02	1:15	4:38	7:23	8:37
21 Ahad		5:40	5:50	7:01	1:13	4:36	7:21	8:34	05:40	05:50	07:02	1:13	4:36	7:21	8:34	05:41	05:51	07:02	1:15	4:38	7:23	8:37
22 Isnin		5:39	5:49	7:01	1:13	4:36	7:21	8:35	05:40	05:50	07:02	1:13	4:37	7:21	8:35	05:41	05:51	07:02	1:15	4:38	7:23	8:37
23 Selasa		5:39	5:49	7:01	1:13	4:36	7:21	8:35	05:40	05:50	07:02	1:13	4:37	7:21	8:35	05:41	05:51	07:02	1:15	4:39	7:23	8:37
24 Rabu		5:39	5:49	7:01	1:13	4:37	7:21	8:35	05:40	05:50	07:02	1:13	4:37	7:21	8:35	05:41	05:51	07:02	1:15	4:39	7:23	8:38



IKTIRAF...Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menerima plak Malaysia Book of Records (MBOR) daripada Ketua Pegawai Pemasaran MBOR Jwan Heah (kiri) sempena kejayaan penganjuran Jualan Mega Ehsan Aidilfitri di Wisma Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), Shah Alam pada 15 Mei. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKPS Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi (kanan). Foto MOHD YUSNI ARIFFIN

Rumah terbuka sembilan daerah meriah

Jelajah raya jadi acara tahunan

Oleh **SHEEDA FATHIL**

GOMBAK - Program Jelajah Kita Selangor Aidilfitri (JKSA) membabitkan sembilan daerah meriah berikutan setiap satu daripadanya dihadiri lebih 10,000 hingga 35,000 orang.

Justeru, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bercadang untuk menjadikan jelajah berkenaan sebagai acara tahunan negeri.

"Cadangan ini bergantung kepada keadaan. Kita akan melihat kesesuaian untuk jadikan ia program tahunan. Sebenarnya, idea ini (JKSA)

datang sejak tahun lepas.

"Kita melihat jika buat di satu tempat, kos lebih besar kemudian kita cuba buat secara berpecah ke peringkat daerah, kosnya lebih kurang sama tetapi ada penjimatan," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri program JKSA Gombak di Kawasan Komersial Fasa 3, Taman Seri Gombak di sini pada 14 Mei.

Dihadiri lebih 35,000 pengunjung, acara itu dianjurkan bersekalikan Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani yang diserikan dengan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Amirudin berkata penganjuran ru-

mah terbuka di setiap daerah mewujudkan kerjasama pelbagai agensi, sebaliknya program berasingan menyebabkan acara itu berlarutan melepasi Syawal.

"Kita dapat mengajak pihak pejabat tanah dan daerah bersekali dengan pihak berkuasa tempatan anjurkan bersama rumah terbuka, tidak perlu berasingan. Itu lebih baik," katanya.

JKSA yang bermula 28 April disambut meriah di Sepang diikuti tujuh daerah lain sebelum berakhir di Gombak.

Selain rumah terbuka, pengunjung juga dapat menyaksikan pelbagai hiburan inisiatif Kerajaan Negeri melalui Iltizam Selangor Penyayang (ISP).

Lagi jentera bersih Sungai Klang

SHAH ALAM - Sebuah lagi jentera perangkap sampah menggunakan teknologi dari Belanda iaitu Interceptor 005 digunakan bagi membersihkan dan memulihkan Sungai Klang.

EXCO infrastruktur dan kemudahan awam berkata Malaysia negara pertama menerima jentera itu, yang kedua di negara ini selepas Interceptor 002 beroperasi sejak Ogos 2019.

"Dengan kehadiran Interceptor 002 dan 005, Sungai Klang yang berada pada tahap kekotoran tertinggi ia-

itu lima, turun ke tahap ketiga," kata Ir Izham Hashim di Facebook pada 11 Mei.

Beliau berkata jentera berkenaan ditaja kumpulan muzik antarabangsa iaitu Coldplay menerusi inisiatif Gerbang Maritim Selangor.

"Saya menghargai usaha kugiran ternama dunia Coldplay bersama badan bukan kerajaan (NGO) The Ocean Cleanup yang sudi menaja Interceptor 005, mesin memerangkap sampah di Sungai Klang.

"Saya juga menyeru seluruh mas-

yarakat agar menjaga kebersihan sungai di seluruh Selangor demi masa depan generasi akan datang," katanya.

Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB), sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri, menerajui projek Gerbang Maritim Selangor bagi memulihkan Sungai Klang selain membangunkan kawasan sekitarnya.

Projek itu sebahagian inisiatif negeri bagi mempelbagai sumber pendapatan dan mengoptimum lokasi utama di Selangor seterusnya memacu ekonomi maritim dan pembangunan baharu.

Nostalgia ubah kerajaan 2008

GOMBAK - Lokasi terakhir penganjuran Jelajah Kita Selangor Aidilfitri (JKSA) di Kawasan Komersial Fasa 3, Taman Sri Gombak mengundang nostalgia kepada Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata lokasi sama menjadi pentas 'Grand Finale' dalam kempen pilihan raya umum ke-12 sebelum perubahan pentadbiran di Selangor pada 2008.

"Lokasi ini mengingatkan nostalgia pada 2008, di tapak inilah Datuk Seri Anwar Ibrahim (Perdana Menteri) membuat 'Grand Finale' yang telah mencetuskan perubahan besar di Selangor.

"Insyallah dengan izin Allah dan tekad kita bersama akan kekal dalam pilihan raya negeri akan datang," katanya pada 14 Mei.

Bangun pusat pendidikan di desa

SABAK BERNAM - Pusat Smart Desa yang dibangunkan di dua lokasi bakal menjadi projek rintis kepada pembangunan penduduk luar bandar.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pusat pendidikan di Kampung Sungai Air Tawar di sini dan Kampung Endah, Kuala Langat akan memberi manfaat kepada penduduk khususnya pelajar.

Beliau berkata premis menggunakan bangunan terbiar yang dinaik taraf boleh digunakan untuk penganjuran kelas tambahan selain menjadi pusat internet.

"Setiap projek menelan kos RM200,000 yang dikeluarkan kerajaan persekutuan tetapi dikelola Kerajaan Selangor. Kos ini minimum tetapi memberi manfaat kepada penduduk setempat.

"Smart Selangor menaja rangkaian internet untuk kemudahan pengguna selain kita jalin kerjasama dengan pelbagai agensi lain antaranya Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi memberi lebih banyak faedah tambahan," katanya pada 12 Mei.

Tambahan RM2 juta baiki jalan kampung

SABAK BERNAM - Selangor menerima peruntukan tambahan RM2 juta daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah untuk menjayakan projek membaiki jalan kampung di seluruh negeri.

Mengumumkan perkara itu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata majoriti laluan yang dikenal pasti melibatkan Sabak Bernam.

"Peruntukan tambahan RM2 juta untuk baiki jalan-jalan kampung yang ada kaitan dengan kebun dan ladang negeri ini," katanya pada 12 Mei.

Sebelum ini, sebanyak RM50 juta dipesuntuk bagi projek turapan besar-besaran mulai bulan ini meliputi penyelenggaraan dan pelebaran jalan kelolaan negeri.



<p>Acara 1 20-21 Mei 2023</p>	<p>Daurah Afkar Ihya' Ulumuddin Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam 8.45 pagi - 11.00 malam</p>	<p>ACARA TERBUKA</p>
<p>Acara 2 21 Mei 2023</p>	<p>Jamuan Mahabbah Ulama-Umara Hotel Concorde, Shah Alam 7.00 malam - 10.30 malam</p>	<p>UNDANGAN KHAS</p>
<p>Acara 3 22 Mei 2023</p>	<p>Seminar Penghayatan Ihya' Ulumuddin Hotel Concorde, Shah Alam 9.00 pagi - 6.00 petang</p>	<p>ACARA TERBUKA</p>
<p>Acara 4 22 Mei 2023</p>	<p>Majlis Zikir Darul Ehsan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam 7.00 malam - 8.30 malam</p>	<p>ACARA TERBUKA</p>
<p>Acara 5 23 Mei 2023</p>	<p>Sama' Sifat Nabi SAW & Ijazah Hadis Musalsal Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam 8.30 malam - 10.40 malam</p>	<p>ACARA TERBUKA</p>
<p>Acara 6 24 Mei 2023</p>	<p>Munaqasyah Ilmiah Dewan Senat, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia 8.30 pagi - 12.45 tengahari</p>	<p>UNDANGAN KHAS</p>
<p>Acara 7 24 Mei 2023</p>	<p>Himpunan Ilmuwan Muda Timur Tengah Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam 8.30 malam - 10.30 malam</p>	<p>ACARA TERBUKA</p>
<p>Acara 8 25 Mei 2023</p>	<p>Muzakarah Ulama-Umara Hotel Concorde, Shah Alam 10.30 pagi - 2.00 petang</p>	<p>UNDANGAN KHAS</p>

Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut, sila layari
www.turathislamiselangor.com

Dengan kerjasama





DEDIKASI... Kakitangan Kerajaan Negeri bersama sijil penghargaan sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Jasamu Dikenang 2023 di Hotel Concorde, Shah Alam pada 16 Mei. Foto HAFIZ OTHMAN

RM500 untuk 3,000 jemaah Selangor

Mohon insentif haji mulai 19 Mei

Oleh **FITRI HAZIM**

SHAH ALAM - Selangor menawarkan insentif RM500 buat 3,000 bakal jemaah haji muassasah yang memerlukan tahun ini, khasnya kumpulan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40).

Dato' Menteri Besar berkata inisiatif melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI turut mengagihkan kit syifa seperti ubat-ubatan, cecair pembasmi kuman, losyen dan pelembap bibir.

"Keseluruhan program ini akan dipe-

runtuk sebanyak RM1.653 juta dan permohonan akan dibuka bermula Jumaat, 19 Mei hingga 25 Ogos 2023," kata Dato' Seri Amirudin Shari dalam kenyataan pada 17 Mei.

Beliau menambah urusan permohonan dilaksana menerusi pusat khidmat masyarakat (PKM) Dewan Undangan Negeri kawasan masing-masing dan diselaraskan MBI.

Menurut Amirudin, pemohon mestilah warganegara dan menyerahkan salinan surat tawaran haji muassasah mengandungi kenyataan bayaran serta salinan jadual penerbangan.

"Saya mengharapkan usaha ini dapat memudahkan urusan perjalanan jemaah yang bakal meraikan dhuyufurrahman pada tahun ini," katanya lagi.

Maklumat lanjut, rujuk PKM DUN masing-masing melalui pautan bit.ly/3ByFSxm

Sebelum ini, Insentif Haji Muassasah Selangor tertangguh dua tahun akibat Covid-19 tetapi diteruskan semula pada 2022.

Sumbangan berkenaan sebagai tanda keprihatinan dan penghargaan Kerajaan Negeri kepada rakyat yang bakal menunaikan rukun Islam kelima.

Hargai 185 kakitangan cemerlang

SHAH ALAM - Seramai 185 penjawat awam negeri menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) 2022 dan Anugerah Jasamu Dikenang (AJD).

Penyampaian disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di sini pada 16 Mei. Turut menerima pengiktirafan ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Dato' Haris Kasim.

Penerima terdiri daripada kakitangan 10 jabatan iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Perbadanan Negeri Selangor, Peja-

bat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor serta Pejabat Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor.

Selain itu, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor, Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor, Perbadanan Adat dan Warisan Selangor serta Majlis Sukan Negeri Selangor.

APC adalah penghargaan kepada penjawat awam yang berkhidmat cemerlang. AJD pula kepada mereka yang berkhidmat lebih 25 tahun selain masih berkhidmat di Pejabat

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sekurang-kurangnya satu tahun atau pegawai dan kakitangan yang bersara wajib atau meninggal dunia dalam tahun berkenaan.

Penerima AJD 2023, Abdul Khalil Sabiis, 61 ketika ditemui mengakui terharu atas penganugerahan setelah berkhidmat dalam pelbagai agensi Kerajaan Negeri sejak 42 tahun lalu.

"Ini anugerah terindah untuk saya kenang dan sebagai pemangkin semangat untuk generasi muda berkhidmat dengan sebaik mungkin di agensi kerajaan negeri," katanya.

RS-1 jadi rujukan utama hala tuju

SHAH ALAM - Rancangan Selangor Pertama (RS-1) perlu menjadi rujukan utama agensi Kerajaan Negeri dalam merangka hala tuju dan pembangunan dasar atau program jabatan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata agenda perancangan lima tahun itu merangkumi strategi dan inisiatif untuk memacu ekonomi selain menjadikan Selangor sebagai pusat industri, negeri pintar, makmur dan berdaya huni.

Jelasnya, RS-1 dirancang dan direncanakan untuk menyuntik kembali pembangunan, keadaan sosial ekonomi dan kemaslahatan rakyat secara menyeluruh setelah mendepani pandemik Covid-19.

"RS-1 adalah beberapa kertas induk berlatarbelakangkan pelbagai pelan termasuk pembangunan negeri, infrastruktur, pembangunan industri dan pengangkutan awam," katanya.

Tidak libat tanah hutan simpan

KUALA SELANGOR - Penganugerahan tanah kepada Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) bagi membiayai kos pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) tidak melibatkan hutan simpan.

Sebaliknya, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan tanah milik Kerajaan Negeri atau anak syarikat akan digunakan bagi kaedah pertukaran tanah kepada MRCB sebagai bayaran.

"Hutan (tapak) tidak ada. Kita guna tanah rizab milik Kerajaan Negeri atau anak syarikat. Sekarang kita tengah bincang dengan pemaju.

"Keputusan akan dimuktamad dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri yang terdekat kerana dua tiga minggu ini tidak ada.

"Kita akan maklumkan bila hendak mula (projek) sebab kita tahu ramai tunggu (pembangunan dibuat)," katanya pada 13 Mei.

Tatakelola baik, kukuh pentadbiran

SHAH ALAM - Aspek integriti dan tatakelola yang baik menjadi asas penting kepada struktur perkhidmatan Kerajaan Negeri kepada rakyat.

Dato' Menteri Besar berkata tadbir urus berintegriti adalah tunjang yang harus dikekalkan di sebalik perubahan ke arah digitalisasi dan pentadbiran pintar.

"Jangan dilupakan bahawa aspek integriti dan tatakelola yang baik selain perkhidmatan yang bermanfaat kepada rakyat masih menjadi asas penting kepada struktur perkhidmatan kerajaan.

"Selain itu, adalah penting untuk memastikan perkhidmatan yang disampaikan itu memberi manfaat, kemudahan, kelegaan dan kelangsungan kepada kehidupan rakyat," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Pelawa belia sertai duta perpaduan

SHAH ALAM - Masyarakat belia dipelawa menyertai program Duta Perpaduan Selangor 2023 yang menawarkan peruntukan RM4,000 untuk projek lapangan.

EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud berkata penganjuran itu bertujuan memupuk kemahiran dan pengetahuan belia menjadi pemimpin masyarakat.

"Kita sedang cari 56 wakil terdiri pelbagai latar belakang di setiap Dewan Undangan Negeri untuk mengurangkan ketegangan agama dan etnik dalam masyarakat," katanya pada 11 Mei.

Permohonan menerusi pautan forms.gle/VScSRdK4hAJJvo4u9 sebelum 28 Mei atau layari aodmalaysia.org/duta-perpaduan-selangor untuk keterangan lanjut.

Pelan pendidikan tarik minat luar

SHAH ALAM - Beberapa negara di Amerika Selatan, Eropah dan Amerika Syarikat menunjukkan minat terhadap pelan pendidikan awal kanak-kanak yang dibangunkan di negeri ini.

EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han berkata ia susulan pembentangnya yang berkongsi pencapaian dan polisi negeri dalam mewujudkan komuniti mesra kanak-kanak di Panama baru-baru ini.

"Usaha dua pihak berkuasa tempatan Selangor iaitu Majlis Bandaraya Subang Jaya dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya dalam memperkasa pendidikan awal kanak-kanak menarik perhatian negara yang sertai forum itu," katanya pada 14 Mei.

Antara usaha MBSJ bangunkan program inklusif aktiviti luar untuk kanak-kanak termasuk yang berkeperluan khas seperti autisme dan sindrom down.

Sze Han berkata MBPJ ialah pula menerima pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai bandar pembelajaran pada 2019.

300 papan telur, ikan habis sejam

GOMBAK - Lebih 300 ikan dan 300 papan telur terjual dalam sejam pada Jelajah Ehsan Rakyat (JER) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Rawang.

Penyelia Cawangannya Siti Aishah Solaihah menjelaskan permintaan penduduk kian bertambah selepas cuti perayaan Aidilfitri.

"Sebaik saja jualan dibuka pada jam 10 pagi, pengunjung tidak putus-putus datang membeli-belah. Jualan ditutup awal sejam selepas semua barang habis.

"Permintaan tinggi termasuk di tiga outlets (cawangan) kami berbanding sebelum ini. Kini, lebih ramai penduduk tahu dan memilih untuk membeli barangan keperluan di JER," katanya pada 13 Mei.

Guru agama nikmati manfaat

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri giat membela kebajikan untuk guru sekolah agama dan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) serta Integrasi (Kafa-i) selaras keperluan semasa.

Peruntukan RM102.3 juta disediakan sejak tahun lalu meliputi aspek kewangan, manfaat cuti dan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Edisi 25-31 Mei juga memaparkan kelebihan yang dinikmati mereka, dari elaun bulanan RM1,500 hingga kemudahan bayaran gaji dimasukkan ke akaun bank berbanding tuntutan cek sebelum ini.

Malah, guru lelaki juga diberi cuti khas bagi memudahkan mereka untuk menguruskan isteri bersalin. Selain itu, prasarana pendidikan agama

juga dipermoden.

Menjelang Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur antara 26 Mei hingga 4 Jun, Pancawarna juga menyenarai buku terjemahan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) terbitan baharu.

Buku yang dijangka mendapat sambutan pembaca antaranya Tanpa Ampun: Tiga Tahun Diburu Jepun di Rimba Malaya dan Muslihat Mahathir: Mengharung Zaman Gelora.

Karya lain yang bakal menemui



pembaca ialah Imam al-Ghazali: Hayat & Jasa Ilmuan Ulung, Risalah Tentang Kelazatan yang Tercela, Memelihara Jiwa: Petua Daripada Tabib Kurun ke-9.

Kolumnis Zamir Mohyedin pula mengupas sisi gelap kecerdasan buatan (AI) termasuk kesan buruknya antaranya AI menjadi teknologi penghasilan video palsu yang kelihatan asli.

Beliau berpendapat teknologi palsu tulen (deepfake) menerusi AI mampu mengubah atau memanipulasi wajah dan suara individu hingga sukar memastikan kesahihannya dan perlu dikawal.

Suri rumah belanja lebih 20 kali

Hebah jualan murah kepada jiran

Oleh **SHAMZ JOHAN**

GOMBAK - Mengakui lebih 20 kali berbelanja di Jelajah Ehsan Rakyat (JER), suri rumah turut membantu menghebah program jualan murah agar jiran tetangga turut menerima manfaat.

Siti Noradia Mohd Sapie, 38, berkata program anjuran Kerajaan Negeri itu banyak membantu keluarga berpendapatan rendah berjimat dalam perbelanjaan barang dapur.

"Ramai kenalan saya keluarga susah, ada juga peniaga kecil-kecilan dan ibu

tunggal. Setiap kali ada jualan JER, saya pasti hebahkan kerana tidak mahu mereka ketinggalan.

"Program ini sangat membantu kami. Ramai penduduk sanggup beratur panjang dan ada yang membawa anak kecil," katanya yang mengunjungi jualan murah sejak tahun lepas.

Peniaga apam balik Rosmah Wita, 64, pula berharap jualan murah serata negeri kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) terus dilaksanakan.

"Kasihannya pada keluarga susah, ada hanya mampu makan telur saja. Di sini boleh dapat (beli) harga murah, jadi

lebih baik diteruskan," katanya yang berniaga di pekan Rawang.

Sementara itu, pembantu Khas Ahli Dewan Negeri Rawang Ainul Aizura berkata pihaknya merancang untuk mengajurkan JER lebih kerap supaya lebih ramai penduduk menerima manfaat.

"Kita lihat sambutan amat tinggi bahkan setiap kali diadakan pasti akan penuh. Kita akan cuba menempah slot tambahan daripada PKPS," katanya pada 13 Mei.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM10).



Teruskan JER sepanjang tahun

KLANG - Program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) dinanti-nanti penduduk setempat untuk membeli pelbagai barangan keperluan harian pada harga murah.

Operator kilang Nurul Nafisyah Jasnani, 21, yang enam kali hadir ke JER tidak melepaskan peluang jika ia diadakan di sekitar tempat tinggalnya.

"Saya akan pergi ke lokasi jualan setiap kali dianjurkan jika berkelapangan. Lokasi paling jauh yang pernah pergi di Pandamaran.

"Saya banyak berbelanja dalam Ra-

madan dan Syawal. Apabila ada jualan murah, dapat jimat belanja. Saya harap inisiatif ini diteruskan sepanjang tahun," katanya ketika ditemui dalam JER di Pelabuhan Klang pada 11 Mei.

Jururawat Intan Nurizni Abd Rahman, 31, yang pertama kali hadir ke program itu mengakui barangan murah dan bermutu.

"Selepas ini jika berkelapangan sudah pasti saya akan datang lagi kerana ia bantu kurangkan kos pembelian

keperluan harian," katanya.

JER memanfaatkan lebih dua juta penduduk Selangor sepanjang tiga bulan pelaksanaan dari September hingga Disember tahun lepas.

Susulan sambutan menggalakkan, Kerajaan Negeri memperlus jualan barangan asas murah ke 1,200 lokasi mulai 16 Januari lepas.

Orang ramai boleh melayari pautan linktr.ee/myPKPS untuk kemas kini lokasi jualan dari semasa ke semasa.



Kitab agung al-Ghazali

Ihya' Ulumuddin (Menghidupkan Ilmu Agama) dianggap karya agung Imam al-Ghazali yang terus menerus menjadi rujukan umat Islam. Malah, ia turut diteliti sarjana Barat.

Kitab pertama Kitabul 'Ilm daripada 40 kitab karya tersebut diterjemah ke bahasa Melayu oleh Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) menerusi projek Siri Warisan Islami Selangor. Terjemahan itu dijangka berada di pasaran pada Jun.

Sempena Festival Turath Islami Selangor yang membedah Ihya' Ulumuddin pada 20-25 Mei ini, Selangorkini menemu bual penterjemahnya **Zahid M Naser** (foto kiri) dan **Hilmi Marjunit**, dua lulusan bidang usuluddin, berhubung usaha itu pada 15 Mei.


Temu bual disiarkan menerusi dua bahagian. Pada bahagian pertama, penterjemah menjelaskan latar pengkaryaan al-Ghazali, atau Muhammad bin

Muhammad al-Ghazali, yang mengupas agama dengan mendalam dan luas.

Karyanya diolah dengan gaya bahasa mudah walau sesuatu persoalan itu rumit. Namun, bahasa yang digunakan agak sasterawi. Ia menggabungkan persoalan fiqh dengan pengetahuannya tentang falsafah.

Pada siri kedua wawancara, yang diterbit minggu depan, penterjemah menjelaskan al-Ghazali memberi kompas bagaimana menanggapi ilmu pengetahuan agama. Beliau membahaskan teori ilmu dan beberapa isu mengenainya.

Kata mereka, al-Ghazali menjelaskan kerancuan yang berlaku dalam pelbagai aliran pada zamannya yang mengelirukan umat Islam akibat pengaruh ilmu asing. Namun, dalam kitab pertama ini Kitabul 'Ilm tidak memperincikan pertentangan antara agama dan falsafah.



Apa menarik mengenai karya ini?

Zahid: Saya kira yang menarik daripada karya ini kita dapat melihat pemikiran al-Ghazali ketika fasa dia sudah beruzlah di Damsyik, selepas dia bermuhasabah, bertafakur terhadap perjalanan hidup dan ilmiahnya yang rencam.

Dengan karya ini juga kita akan melihat kedinamikan dalam pemahamannya terhadap disiplin ilmu tasawuf yang dijalin harmoni dengan ilmu-ilmu syarak yang lain.

Satu lagi, barangkali penyusunannya yang memudahkan pembaca untuk mengikuti alur penghujahan al-Ghazali bagi menyikapi pelbagai fahaman yang dianggap menyimpang daripada fahaman salaf.

Hilmi: Lebih kurang 10 tahun lalu, saya pernah terdengar kata-kata yang berbunyi, "Ihya' itu hampir-hampir menyerupai al-Quran."

Pada mulanya saya janggal dengan kenyataan tersebut tetapi saya biarkan ia dahulu kerana belum lagi menelaah Ihya'. Tidak lama kemudian, tatkala saya membaca Ihya' sedikit demi sedikit, barulah saya faham ertinya.

Hal ini kerana secara umum, Ihya' mengupas tentang intisari agama Islam berdasarkan susunan kitab fiqh tetapi turut diiringkan dengan falsafah bagi setiap cabang fiqh tersebut.

Bahkan darihal kupasan tersebut, Ihya' mendekati pembaca kepada al-Quran kerana ia panduan utama agama Islam.

Sehubungan itu, saya berpendapat umat Islam perlu diperkenalkan dengan Ihya' bagi menghayati agama ini dalam kehidupan, justeru di sinilah titik mula kewajaran Ihya' diterjemah ke dalam bahasa Melayu secara lengkap.



Apa cabaran menterjemah karya, sama ada dari segi bahasa dan lain-lain?

Zahid: IBDE menggunakan pendekatan penterjemahan dinamik. Daripada pendekatan itu, kami perlu melakukan kajian dan bacaan silang yang banyak bagi mendapatkan atau mendekati intipati idea-ideanya dengan tatabahasa bahasa Melayu dalam masa yang sama masih mengekalkan semangat bahasa Arab.

Proses penterjemahan yang menggunakan dua khidmat penterjemah juga mungkin menjadi cabaran kepada penyunting (Badrul Aini) bagi mengharmonikan dua 'otak' ketika menterjemah karya ini.

Hilmi: Antara kehebatan al-Ghazali ialah mampu menyampaikan idea kompleks dengan gaya bahasa yang ringkas tetapi dalam lenggok sasterawi yang sederhana.

Kita dapat mengesan unsur ini dalam hampir kesemua penulisan beliau. Oleh itu, cabaran menterjemah karya ini tentulah dari sudut mengekalkan unsur tersebut semampu yang boleh tanpa menghilangkan idea yang ingin disampaikan.

Apa ilmu baharu diperoleh ketika proses menterjemah karya itu?

Zahid: Saya fikir antara yang banyak saya pelajari adalah cara pengolahan al-Ghazali dalam membentangkan pemikirannya atau tesisnya kepada khalayak.

Dengan hujah akliah dan naqliah (wahyu), al-Ghazali banyak mengetuk pengetahuan yang penterjemah ada.

Hal ini kerana, al-Ghazali juga turut membentangkan fikirannya dengan persoalan bersifat falsafi, sebagai contoh analogi-analogi



yang beliau anjurkan. Ia secara tak langsung membuat kita melihat zaman masa kini.

Pemerhatiannya yang dibuat pada kurun kelima Hijrah itu sebenarnya masih relevan dengan realiti sekarang.

Hilmi: Bagi jilid pertama, ada dua perkara yang sangat memberi kesan terhadap diri saya.

Pertama, al-Ghazali membuatkan pembaca ingin menghayati al-Quran kerana inilah tunjang utama ilmu bagi umat Islam dan seterusnya beliau turut membawakan kisah tentang penghayatan ulama terdahulu terhadap al-Quran dalam kehidupan mereka serta cara al-Quran membentuk cara berfikir mereka.

Kedua, al-Ghazali mengupas dengan teliti berkaitan ciri-ciri ulama akhirat dan perbezaannya dengan ulama dunia. Hal ini bagi saya sangat relevan untuk diketengahkan semula pada hari ini agar masyarakat lebih mendahulukan ilmu dan akhlak agamawan serta pada masa yang sama tidak mudah terpesona hanya dengan penampilan luaran mereka.

Berapa lama proses terjemahan?

Zahid: Proses terjemahan masih berlangsung, kami menetapkan menterjemah sekurang-kurangnya empat muka surat sehari. Memandangkan naskhah teks asal mencecah 10 jilid dengan setiap jilid mengandungi 700 muka surat, kami menasaskan penterjemahannya dapat disiapkan dalam tempoh tiga hingga empat tahun.

Hilmi: (bersetuju dengan pandangan Zahid)



Meriahnya rewang

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD
DAN SOFIA NASIR

SEAWAL jam 7 pagi, hampir 1,000 penduduk membanjiri Dataran Tanah Lesen di Sabak Bernam.

Mereka terlibat dalam gotong-royong memasak juadah untuk program Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat daerah berkenaan pada 12 Mei.

Penduduk dibahagi dalam kumpulan untuk menyiapkan menu tertentu. Ada masak lemang. Ada sediakan ketupat. Ada menggulai rendang. Ada juga juadah yang ditempah termasuk nasi ambeng.

Suasana gamat dan meriah. Mereka rancak berborak, bergelak tawa, sesekali berjenaka sesama ahli kumpulan. Pun begitu, tangan tetap ligat menyiapkan kerja.

Yang wanita laju mengupas bawang, ada membasuh pulut, menganyam ketupat dan bermacam-macam lagi. Lelaki pula hidupkan api atau susun meja. Ada juga menjaga lembu untuk disembelih.

Sambil bekerja, mereka berborak. Didiami ramai etnik Jawa, ramai menggunakan loghat itu. Yang tidak faham, hanya terpinga-pinga. Namun, mereka terus bergandingan bergotong-royong.

Meski rewang 'dikuasai' golongan berusia, tidak kurang anak muda yang ringan tulang. Mereka juga tidak kekok membuat kerja, mungkin kerap menyertai rewang sekitar kampung berdekatan.

Suasana riuh

Tambah meriah, pelbagai acara sampingan dianjurkan. Pentas kecil turut dibina. Dari peraduan karaoke lagu raya hingga pertandingan hiasan pulut kuning dan gubahan samping turut dibuat.

Walau suara tidak semerdu artis, keceriaan tetap terpapar. Tambah gamat apabila peserta yang mengubah samping berserta lengkap busana Melayu membuat 'catwalk' depan khalayak.

Suasana hampir sama turut dirasai dalam program rewang Dewan Taman Seri Kerayong, Klang pada 30 April yang disertai lebih 200



orang meski tidak menganjurkan sebarang pertandingan. Menurut Ketua

Kampung Tok Muda,

Klang Samsuddin Leman yang mengetuai kumpulan untuk menyediakan 100 lemang, persiapan dibuat lebih awal sebelum mereka berkumpul di dewan itu.

"Ini untuk memudahkan kerja. Bila datang ke rewang, tinggal basuh beras pulut dan masukkan ke buluh. Lepas itu bakar. Jadi, kita jimat masa kerana kena siapkan banyak lemang.

"Saya sendiri bertanggungjawab pantau semua proses. Bukan semua penduduk yang sertai rewang ada pengalaman, jadi mereka kena diajar. Kena tunjuk cara-caranya," katanya.

Ketua Kampung Bukit Kapar Md Jamaludin Ramlan yang kumpulannya bertanggungjawab menyediakan 300 ketupat pula menjelaskan daun kelapa untuk ketupat ditempah sehari awal.

"Proses anyaman ambil masa singkat sebab ramai pandai. Memasak tidak perlu tenaga ramai. Hanya biarkan ke periuk yang ditabur garam dan daun pandan. Pantau agar masak sekata," katanya.

Kemeriahan itu mengimbau kenangan zaman



kanak-kanak Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang membesar dalam suasana kampung. Rewang antara tradisi yang lazim ketika itu.

Turut sama menggaul dodol dan rendang serta melapah daging lembu di kedua-dua lokasi itu, beliau berharap amalan yang sinonim dengan masyarakat Melayu terus berkekalan.

"Saya harap program rewang terus dihidupkan semula supaya menjadi amalan untuk menguatkan kesepakatan dan silaturahim dalam masyarakat," katanya.

Lebih 10,000 orang mengunjungi majlis rumah terbuka setiap satu di Klang dan Sabak Bernam manakala 35,000 lagi di Gombak yang bersekali acara rumah terbuka Malaysia Madani.

Tipu daya Mahathir

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

Benarkah Tun Dr Mahathir Mohamad seorang “diktator” ketika memimpin negara sepanjang 22 tahun? Benarkah politik wang dan rasuah berkembang biak sejak beliau mengambil alih Malaysia mulai 1981?

Di mana bermula krisis perlembagaan antara perdana menteri dengan Raja-Raja Melayu, pada 1993 atau sejak lebih awal dari 1983 lagi? Peristiwa serangan di Memali pada 1985, bagaimana ia berkembang?

Buku Barry Wain dengan judul terjemahan *Muslihat Mahathir: Mengharungi Zaman Gelora* cuba menjawab persoalan-persoalan yang terus menjadi tanda tanya ramai.

Selain itu, naskah asalnya *Malaysian Maverick: Mahathir Mohamad in Turbulent Times* mendedahkan RM100 bilion telah hilang, tiris, rugi atau diseleweng sepanjang pentadbiran Dr Mahathir – dakwaan yang dinafikannya.

Namun, bekas editor *Asian Wall Street Journal* yang berpengalaman luas itu sebelum meninggal dunia pada 2013 mempertahankan jumlah tersebut dan fakta perkembangan politik yang dinyatakan dalam karyanya.

Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE), penggerak projek terjemahan karya penting Siri Pencerahan Selangor, menyifatkan buku itu berjaya membongkar “muslihat Dr Mahathir yang sukar dijangka menjadikannya seorang negarawan yang handal mengelirukan kawan dan juga lawan”.

Badrul Hisham Ismail, yang menterjemah bersama Mardhiyyah Abadan, pula menggambarkan Dr Mahathir sebagai “gedebe”, suka melawan sesiapa sahaja yang dianggap musuh, di dalam atau di luar Umno.

“Dia hanya melawan siapa yang cuba mencabarnya, dan digunakan segala kuasa yang ada supaya dia yang menang akhirnya. Dan apabila dia tidak lagi memegang kuasa, tidak semua yang dia mahukan boleh tercapai,” katanya.

Profesor Khoo Boo Teik menyimpulkan Dr Mahathir sebagai pemimpin penuh “paradoks” dalam bukunya yang terkenal *Paradoxes of Mahathirism*. Wain turut menunjukkan pertentangan itu dalam soal retorika anti-Amerika Syarikat.

Tentera Amerika

Walau sering menyerang Barat, Dr Mahathir diam-diam mengadakan kerjasama ketenteraan dengan Amerika Syarikat tidak lama selepas meneraju negara. Sewaktu lawatan ke Washington pada 1984, tulis Wain, perdana menteri bertemu Presiden Ronald Reagan dan Setiausaha Pertahanan Caspar Weinberger.

Selain skandal demi skandal muncul bawah kepemimpinan Dr Mahathir, pengarang *Malaysian Maverick* juga menyebutkan beliau gemar projek mega walau akhirnya gagal dan tidak melatih pengganti yang boleh terus memimpin negara.

Rekod hak asasi manusia memang sering dipertikaikan dalam tempoh itu. Badrul Hisham

merumuskan buku Wain menjelaskan tempoh lebih dua dekad itu menyaksikan penghakisan ruang demokrasi.

“Kalau kita mahu lihat kesan pemerintahan Dr Mahathir selama 22 tahun itu, yang paling utama ialah institusi demokrasi negara kita hampir hancur. Apa yang tinggal hanya cengkerangnya sahaja, isinya lompong,” kata penterjemah itu.

Amnesty International menganalisa dengan perinci rekod buruk hak asasi itu melalui undang-undang Dr Mahathir dalam laporan menarik *Malaysia: Human Rights Undermined - Restrictive laws in a parliamentary democracy*.

Daripada 13 bab *Malaysian Maverick*, Prof Madya Dr Maznah Mohamad nampak Wain berjaya menggambarkan tindakan politik Dr Mahathir telah menukar negara semacam parti Umno atau “party-state”.

Bab 3 hingga 6, kata Dr Maznah, melakarkan proses penukaran sistem pentadbiran Malaysia kepada “negara parti” yang dikuasai seorang yang sangat berkuasa (strong man).

“Chapter 3 is especially critical. It showed how Mahathir achieved his crowning moment in deploying his political and Machiavellian skills in saving himself and the party,” tulis penterjemah itu ketika mengulas karya tersebut.

Sewaktu berkrisis dengan Raja-Raja Melayu pada 1983 dan 1993, pada bab 8 pula, Wain sendiri menggambarkan tindak-tanduk Dr Mahathir membolot kuasa sebagai “Agong yang tidak ditabalkan”.

“The erosion of the rulers’ stature and influence ‘diminished their constraining role in tempering the exercise of executive powers’, which Dr Mahathir proceeded to wield with unprecedented latitude.

“In a remade constitutional landscape, he had no need to contemplate a republic. He was the uncrowned king,” kata Wain dalam edisi pertama terbitan 2009.


Karya berimbang

Namun karya terjemahan IBDE, *Muslihat Mahathir: Mengharungi Zaman Gelora*, mengambil edisi kedua *Malaysian Maverick* (terbitan 2012) yang telah memasukkan jawapan balas Dr Mahathir terhadap buku tersebut.

Edisi kedua diterbitkan selepas buku riwayat hidup Dr Mahathir, *A Doctor in the House: The Memoirs of Tun Dr Mahathir Mohamad*, yang muncul dua tahun selepas edisi pertama *Malaysian Maverick*.

Untuk menyiapkan karyanya, Wain menemu bual beberapa kali Dr Mahathir dan isterinya Tun Dr Siti Hasmah Ali.

Jadi karya ini dianggap lebih berimbang walau tidak segan-silu membongkar tindak-tanduk politik Dr Mahathir dan bagaimana



Sewaktu berkrisis dengan Raja-Raja Melayu pada 1983 dan 1993, pada bab 8 pula, Wain sendiri menggambarkan tindak-tanduk Dr Mahathir membolot kuasa sebagai ‘Agong yang tidak ditabalkan’

beliau mendaki tangga-tangga kekuasaan setelah terpelanting daripada Umno pada 1969.

Dipecahkan kepada tiga

bahagian, *Muslihat Mahathir* menceritakan sejak awal kesedaran politik tokoh itu ketika Perang Dunia Kedua pada 1940-an dan bagaimana sepak terajang kekuasaan membuka matanya.

Sebulan sebelum 13 Mei 1969, menurut catatan di kulit belakang buku terjemahan IBDE, Dr Mahathir menulis dalam sebuah akhbar tempatan: “Saya tahu tanda-tanda itu sudah ada. Kalau saya ulang semula nanti, waktu itu mungkin sudah terlambat.”

“Dengan derianya yang tajam”, menurut catatan itu lagi, “Dr Mahathir turut meninjau keperluan untuk seorang anak kampung mempengaruhi politik sebuah negara.”

“Setelah tergolong sebagai doktor Melayu terawal, namanya bukan sekadar naik pantas bahkan beliau menjadi perdana menteri selama 22 tahun lamanya. Era itu digelar zaman kemodenan Malaysia, namun beliau tetap tidak lepas daripada bukti-bukti salah guna kuasa dan layanan kejam terhadap seteru politik.”

Sebahagian kita mungkin sudah lupa atau tidak mengetahui pelbagai babak politik dan skandal tetapi buku ini berjaya mengupas dengan ringkas lagi padat bermacam-macam isu yang merosakkan negara.

Antaranya, kehilangan lebih RM2.5 bilion Bumiputera Malaysia Finance (BMF), kerugian tukuran wang asing, projek kilang besi Perwaja dan juga perebutan kuasa dengan kumpulan Tengku Razaleigh Hamzah hingga Umno diharamkan pada 1988.

Begitu juga pertarungannya dengan bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, tangkapan besar-besaran dalam Operasi Lalang dan pertembungan dengan Ketua Hakim Negara Tun Salleh Abas.


Skandal lain termasuklah pemberian kad pengenalan kepada warga asing untuk didaftarkan sebagai pengundi di Sabah dalam Projek IC dan krisis paling berlarutan susulan pemecatan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Namun Wain juga melihat sisi positif Dr Mahathir dalam usaha memodenkan Malaysia. Buku setebal 592 muka surat itu turut membahaskan legasinya setelah meletakkan jawatan pada 2003.

Muslihat Mahathir dijangka mula dijual di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur antara 26 Mei hingga 4 Jun ini.



Seperti lazim di majlis keraian, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sering menjadi tumpuan orang ramai sewaktu tiba di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani



Girang Syawal

Ribuan pengunjung memenuhi Taman Sri Gombak sempena JKSA yang digabungkan dengan Rumah Terbuka Malaysia Madani pada 14 Mei

Jelajah Kita Selangor
 Aidilfitri (JKSA) ditutup di Gombak dengan Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani yang dihadiri lebih 35,000 pengunjung. Perdana Menteri dan Dato Menteri Besar bersama barisan pemimpin beramah mesra dengan orang ramai.
 JKSA di semua sembilan daerah turut disertai majlis Rewang Sekampung di tiga lokasi. Hujung minggu lalu, JKSA turut diadakan di Sabak Bernam dan Kuala Selangor pada 12 Mei dan 13 Mei.
 Jurufoto REMY ARIFIN, FIKRI YUSOF, AHMAD ZAKKI JILAN dan RADIN WAZIR merakam kemeriahan acara di tiga daerah itu. Keterangan foto disediakan NADIAH ZAMLUS. Sebanyak 12 lagi foto dalam edisi akhbar digital.



Penghibur veteran Datuk Hail Amir, 75, mendendangkan lagunya Seloka Hari Raya di Padang Awam Bukit Badong, Kuala Selangor

Pelbagai jenis minuman berperisa dihidang untuk pengunjung rumah terbuka Aidilfitri peringkat Gombak



Pengunjung gembira mengambil hidangan sate ketika JKSA di Taman Seri Gombak. Ada 42 juadah lain seperti kambing golek dan ketupat



Dato Menteri Besar Dato Seri Amirudin Shari dan penyanyi terkenal Datuk M Nasir berduet menyampaikan lagu Satu Hari di Hari Raya di JKSA Gombak



Ahli Dewan Negeri Rawang Chua Wei Kiat (tengah) bersama peserta Rewang Sekampung daerah Gombak di Dewan Beringin



Peserta gotong-royong Rewang Sekampung Azizah Samin menggantung ketupat sebelum sambutan JKSA di Dataran Tanah Lesen, Sabak Bernam



Sekeluarga menikmati hidangan ketika rumah terbuka Aidilfitri di Kuala Selangor



Aksi pemenang pertandingan gubahan samping ketika program Rewang Sekampung di Sabak Bernam



Kanak-kanak tidak ketinggalan mendapatkan makanan kegemaran di ruwai gula-gula dan jajan JKSA Kuala Selangor



Tetamu bukan Melayu menunjukkan lambang hati tanda gembira memeriahkan jamuan Aidilfitri di Dataran Tanah Lesen



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin menyerahkan hadiah cabutan bertuah kepada pengunjung JKSA di Kuala Selangor



Sekumpulan peserta Rewang Sekampung mengacau dodol untuk persiapan rumah terbuka peringkat Sabak Bernam



Peniaga menyediakan ayam panggang untuk orang ramai yang hadir rumah terbuka di Padang Awam Bukit Badong, Kuala Selangor



Penyanyi popular Ezad Lazim menyampaikan lagu bersama peminat di JKSA Sabak Bernam



Peserta wanita mempamer gubahan pulut kuning masing-masing, memeriahkan acara rewang di Sabak Bernam



Bukan Melayu turut memeriahkan program jamuan Aidilfitri anjuran Kerajaan Negeri di Kuala Selangor



Amirudin bersama Ahli Dewan Negeri Hulu Kelang Saari Sungib (kiri) menyertai Rewang Sekampung di Gombak



Pelbagai jenis air berperisa dihidang untuk pengunjung rumah terbuka Aidilfitri peringkat Sabak Bernam



Seorang kanak-kanak bersama ibunya merakam foto di reruai bergambar menggunakan kamera 360 di Sabak Bernam



Dua gadis tersenyum manis selepas mengambil apam balik ketika jamuan di Padang Awam Bukit Badong



Elemen irama tradisi turut dipersembahkan untuk pengunjung ketika jamuan Aidilfitri di Kuala Selangor



Peserta Rewang Sekampung membakar lemas, antara juadah dihidangkan kepada tetamu di JKSA Gombak

Masak sendiri juadah raya

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

Setiap kali menjelang Syawal, pelakon Syafie Naswip pasti terkenang zaman kanak-kanaknya yang perit. Pemilik nama sebenar Mohammad Syafie Naswip, 31, mengimbau waktu kecil, dia merai lebaran serba kekurangan.

Persiapan raya ala kadar. Baju raya baharu tiada kerana keluarga bukan orang senang.

Meski sedih keadaan itu, pelakon filem Mukhsin itu tetap bersyukur didampingi keluarga pada pagi Syawal. Padanya itu anugerah cukup indah.

"Masa itu zaman tak berapa nak ada (wang), mahu beli baju raya pun susah sebab ibu bapa bukan orang senang.

"Teringin juga pakai baju baharu macam kawan lain tetapi saya sedar kesempitan hidup, maka kemahuan itu terpaksa saya ketepikan," imbaunya.

Hanya selepas terjun ke dunia lakonan pada usia 14 tahun, Syafie mengaku kehidupannya berubah perlahan-lahan.

Dinobat pelakon kanak-kanak terbaik Festival Filem Malaysia ke-20 (FFM20) pada 2007 menerusi Mukhsin, filem itu meledakkan namanya.

Tahun sama, Syafie meraih pelakon lelaki terbaik menerusi Ilham Suci pada Anugerah Skrin ke-11.

Kini, Syafie selesa dengan pendapatan anak seni. Sedikit sebanyak dapat menampung perbelanjaan keluarga.

"Bila sudah dewasa dan berkerjaya, rasa manisnya ada duit sendiri. Mampu beli apa sahaja dan kongsi bersama keluarga, lagi-lagi dekat raya.

"Alhamdulillah, rasa puas sebab guna hasil titik peluh sendiri. Tetapi itu tidak semestinya saya lupa kenangan waktu kecil dulu," katanya.

Masak sendiri

Saban tahun, menjadi



Jika emak orang lain sibuk di dapur, di rumah kami berbeza. Saya dan adik tidak akan benarkan emak masuk dapur

kemestian anak sulung dua beradik ini memasak juadah raya. Lazimnya, malam raya Syafie bersama adiknya Sapawi Naswip menyiapkan rendang ayam lada hitam, lontong goreng tomyam, roti jala dan kuah kacang resipi sendiri.

Ibu bapa mereka pula mengemas rumah. Syafie seronok merasai pengalaman beraya sedemikian dengan ahli keluarganya.

"Jika emak orang lain sibuk di dapur, di rumah kami berbeza. Saya dan adik tidak akan benarkan emak masuk dapur.

"Tidak pelik pun memandangkan sejak darjah enam lagi saya sudah biasa tolong ibu masak macam-macam juadah," katanya.

Anak kelahiran Gombak itu berkata, persiapan raya biasanya ringkas tetapi meriah dengan saudara-mara dan rakan.

"Jujurnya persiapan raya biasa sahaja walau sudah jadi artis. Paling seronok sebab semua ada di rumah termasuk kawan-kawan.

"Kawan-kawan yang tiada apa-apa pertalian dengan keluarga pun datang. Sekali mereka datang, mereka akan jadi sebahagian daripada keluarga kami," katanya.

Raya juga dimanfaatkan Syafie untuk berkunjung ke rumah teman-teman lamanya hinggan pernah suatu ketika terlupa pulang ke rumah sendiri.

"Saya akan cari kawan-kawan lama untuk beraya. Kalau duduk di satu-satu rumah memang lama, kadang sampai tuan rumah tertanya-tanya bila nak balik," katanya.

Syawal tahun ini, Syafie tampil dengan telefilem raya berjudul Selalu Ada. Drama 45 minit terbitan Kerajaan Selangor itu memaparkan kisah tiga sahabat karib membawa haluan selepas tamat sekolah.

Menemui penonton pada 3 Mei jam 9 malam di TV2 dan Youtube SelangorTV, drama arahan Che Mie itu turut dibintangi Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari serta Erra Fazira.





Duit dari debu

Oleh **NAZLI IBRAHIM**
Foto **FIKRI YUSOF**

Kencing manis dan sakit tulang belakang meragut keupayaan Ahmad Muhalid Mohd Zawawi, 44, untuk bekerja. Penyakit berkenaan menyebabkan beliau terpaksa berhenti kerja sebagai operator pengeluaran di kilang automotif terkenal pada 2017.

Ahmad Muhalid memperoleh pampasan RM40,000 daripada bekas majikan selepas meletak jawatan. Namun, semuanya habis untuk melunas hutang kecuali pinjaman perumahan dan pembiayaan rawatan. Hanya sedikit dijadikan modal berniaga.

Dia menjual nasi lemak kecil-kecilan dan mengutip tin aluminium sambil membantu isteri, Fatimah Umar, 44, yang masih bekerja di syarikat swasta.

Kesempitan hidup mendorong pasangan itu memohon bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada 2018. Mereka diberi bantuan sara hidup RM650 sebulan.

Lantaran kerap mengambil cuti mengurus suami mendapatkan rawatan hospital, wanita lima anak itu akhirnya meletak jawatan pada tahun itu.

Mula khidmat cucian

Selepas berhenti, pasangan berkenaan berniaga nasi berlauk yang dihantar ke pejabat-pejabat. Namun kekurangan ilmu pengurusan menyebabkan perniagaan tidak bertahan lama.

"Masa ini kami betul-betul susah. Anak lima

orang. Duit minyak kereta selalu terputus. Beli lampin keping-keping. Saudara mara ada tolong tetapi sampai bila?

"Jiran warga Indonesia cadangkan buat pembersihan rumah. Mula-mula rasa tidak masuk akal tetapi sebab sudah terdesak, kami cuba juga.

"Saya beli penyapu, pengelap lantai, baldi dan penyedut hampagas terpakai berharga RM80. Suami tak sihat tetapi ikut juga tolong buat kerja ringan seperti mengelap cermin tingkap," kata Fatimah ketika ditemui di Rawang, Hulu Selangor pada 17 Februari.

Mengenakan bayaran RM150, mereka menerima tiga hingga empat tempahan sebulan sebelum meningkat kepada dua ke tiga kali seminggu.

Dalam beberapa bulan, permintaan perkhidmatan cucian rumah meningkat hingga hampir setiap hari hinggan mereka mengambil beberapa pekerja sambilan.

Fatimah dan Ahmad Muhalid lega apabila pendapatan mencuci rumah dicampur bantuan zakat mencecah RM2,500 sebulan.

Akhir 2019, pasangan itu menyewa kedai untuk mengembangkan perniagaan dengan memperkenalkan perkhidmatan mencuci permaidani.

Selepas beberapa bulan berniaga di kedai, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksana pada Mac 2020. Sekali lagi pasangan ini diuji. Perniagaan tidak boleh beroperasi, sekali gus hilang pendapatan.

Akibatnya, pangsapuri mereka dilelong dan keluarga berkenaan terpaksa menetap di kedai sewa. Pada masa sama, kaki Ahmad Muhalid

terpaksa dipotong bagi mengawal penyakit kencing manisnya yang semakin kronik.

Ketika itu, Fatimah menjual karipap sejuk beku bagi menampung kehidupan mereka sekeluarga.

Bantuan Teras

Apabila PKP dilonggarkan pada 2021, Fatimah memohon bantuan perniagaan Teraju Ekonomi Asnaf (Teras). Dia memperoleh lima peralatan mencuci berkuasa tinggi dan mengubah suai kedai dengan kos RM27,000.

Teras juga memberi pelbagai kursus perniagaan seperti teknik mengiklan dan merancang kewangan kepada Fatimah.

Berbekal ilmu dan kerja keras, perniagaan perkhidmatan mencuci rumah dan permaidani mendapat sambutan.

Bukan sekadar pelanggan kediaman, perniagaan mereka mampu memenuhi permintaan mencuci premis syarikat besar seperti pejabat dan kilang yang memerlukan penggunaan kren untuk mencuci cermin di tingkat tinggi.

Awal 2022, Fatimah dan Ahmad Muhalid keluar daripada senarai asnaf.

Ketika ini, pasangan itu mempunyai tujuh pekerja. Hasil kasar perniagaan meraih RM35,000 hingga RM40,000 sebulan. Mereka juga dalam proses membeli kedai yang disewa dengan harga RM250,000.

Menerima anugerah Ikon Usahawan Asnaf Teras dan anugerah Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Fatimah sering dijemput berceramah di pelbagai agensi termasuk pusat zakat luar Selangor dan institusi pengajian tinggi tempatan.

Langit tak selalu cerah

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

Kadaan ekonomi dunia masih tidak stabil memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Malaysia tidak terkecuali kesan kelembapan itu.

Susulan itu, ia memberi tempas kepada pengguna dan usahawan yang masih bergelut keluar daripada dampak pandemik Covid-19 sejak 2020 dan kesan perang Ukraine awal tahun lepas.

Sejak mengambil alih teraju negara pada hujung November lepas, pentadbiran Kerajaan Perpaduan sedaya upaya memulihkan ekonomi negara, termasuk mengawal inflasi yang menjejaskan banyak negara.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku pertama 2023 pula meningkat 0.9 peratus berbanding suku keempat tahun lepas kepada 5.6 peratus. Jika dibanding suku pertama tahun lalu, KDNK tumbuh 4.8 peratus.

Bank Negara Malaysia juga meningkatkan kadar dasar semalaman (OPR) sebanyak 0.25 peratus daripada 2.75 peratus bagi mengawal inflasi. Hasilnya, kadar inflasi pada suku pertama tahun ini menyederhana kepada 3.6 peratus.

"Kadar inflasi Malaysia bagi bulan Mac 2023 terus mencatat trend penurunan kepada 3.4 peratus (Feb 2023: 3.7 peratus), iaitu lebih rendah berbanding beberapa negara maju dan serantau seperti United Kingdom (10.1 peratus), Filipina (7.6 peratus), Singapura (5.5 peratus) serta Amerika Syarikat dan Indonesia (masing-masing 5 peratus)," kata Kementerian Kewangan pada 12 Mei.


Kerajaan Negeri sendiri sering membantu rakyat, termasuk 57,738 usahawan kecil dan sederhana, melalui pinjaman Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) yang turut bergelut dengan situasi pascapandemik dan kenaikan inflasi.

Sebanyak RM754 juta diberi kepada 34,379 usahawan wanita dan 23,359 lagi peniaga lelaki (setakat 10 Mac). Diperkenal sejak 2015, skim pinjaman kewangan Hijrah itu disediakan bagi mengatasi masalah kekurangan modal.

Pada 2018, lebih RM79 juta disediakan tetapi peruntukan itu berubah-ubah setiap tahun berdasarkan permohonan peniaga sebelum bertambah di hujung wabak pada 2021 dan 2022.

Selangorkini meninjau pendapat beberapa usahawan yang mendapat pinjaman Hijrah ketika mereka mencari rezeki di bazar Ramadan dan gerai persiapan Aidilfitri baru-baru ini.

Dua daripada mereka berniaga makanan di



bazar Ramadan, dua lagi menjual pakaian raya dan seorang berniaga biskut raya. Semua mendapat keuntungan walau tidak serancak tahun lepas.

Pelanggan tahun ini lebih berjimat-cermat selain dakwaan harga makanan di banyak bazar Ramadan meningkat dan keperluan perbelanjaan sekolah yang dibuka pada 19 Mac, empat hari sebelum sambutan 1 Ramadan.

Kerajaan Perpaduan cuba membantu belanja persekolahan dengan menghulur RM150 setiap murid.

Selain itu, Bantuan Tunai Rakyat Fasa 1 sebanyak RM300 setiap keluarga sejak Januari lepas. Menjelang Aidilfitri, RM200 lagi dihulurkan kepada empat juta isi rumah yang layak menerimanya.

Kurang berbelanja

Di Selangor, pihak berkuasa tempatan pula menambah peluang perniagaan kepada 10,524 petak bazar Ramadan tahun ini berbanding 7,623 tempat pada 2022, sekali gus meningkatkan persaingan dalam kalangan peniaga.

Ramai peniaga merungut pembeli kurang berbelanja walau kunjungan orang ramai di bazar-bazar Ramadan meningkat tahun ini berbanding 2022. Di banyak negeri, termasuk Selangor, Ramadan kali ini menyaksikan hujan turun di sebelah petang yang menjejaskan kehadiran pembeli.

Berikut reaksi usahawan Hijrah sewaktu dihubungi Selangorkini berhubung sambutan terhadap juadah atau barangan di gerai mereka.

"Terasalah dari sudut keuntungan. Dulu dua tapak, sekarang dapat satu tapak. Selepas kos (bayaran) tapak, bahan mentah, ada pekerja lagi, bergelut juga untuk bayar gaji dia orang. 'Struggle' untuk dapat untung walaupun ada. Kita juga bersaing dengan peniaga lain."

Hainishariza Hamzah, 44,
peniaga makanan di bazar Ramadan Seksyen 7 Bandar Baru Bangi

"Keuntungan nipis tahun ini, habis banyak bayar tiga orang pekerja saja. Pada 2022, ramai orang membeli. Barang habis. Orang datang tidak berhenti-henti. Dari jam 8 malam hingga 12 malam, sibuk melayan pelanggan."

Noraishah Tajuddin, 31,
peniaga kasut dan sandal di bazar Jalan Taiping, Klang

"Tahun lepas, dua minggu hendak raya, hampir 95 peratus kuih sudah habis. Tahun ini, seminggu lagi hendak raya, kita terpaksa buat jualan murah. Kuih masih lagi berlambak. Kita jual dengan diskaun 20 peratus daripada harga asal."


Mohd Fairiz Hezri Mohd Safri, 39,
peniaga biskut raya di Kompleks PKNS Shah Alam

"Pelanggan tanya macam mana perniagaan, saya kata perlahan sedikit. Sambutan agak merosot kerana ibu bapa buat persiapan untuk persekolahan anak-anak. Bayangkan kalau ada tiga anak? Tahun ini mencabar sedikit. Stok banyak lebih. Tahun lepas tidak cukup barang."

Rohani Saliman, 56,
peniaga pakaian di Plaza Alam Sentral

"Tahun ini perlahan sikit. Tidak tahu kenapa, mungkin sebab orang tidak ada duit, jadi kuasa membeli kurang. Tahun lepas okay, ada keuntungan. Tahun ini juga ada untung tetapi diguna untuk bayar pekerja dan tapak."

Mohamad Azmeer Mohamad Asrry, 31,
peniaga tembikai bazar Ramadan Puchong Prima





Anwar menyampaikan ucapan sempena Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur pada 14 Mei. Foto MOHD YUSNI ARIFFIN

Tumpu pertumbuhan ekonomi, bela rakyat

Bukti kerajaan kukuh, stabil

SHAH ALAM - Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan membuktikan pentadbiran yang diterajui Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kukuh dan stabil.

Beliau yakin kerajaan pimpinannya tidak tergugat dan kekal mentadbir negara sekurang-kurangnya sehingga pilihan raya umum (PRU) akan datang, lapor Berita Harian.

Justeru, Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) menyeru semua pimpinan fokus menjayakan tatakelola baik dan memastikan pertumbuhan ekonomi

negara bagi membela nasib rakyat.

"Ada yang kata mungkin (bertahan) tiga bulan, mungkin (hingga) sebelum Tahun Baharu Cina, selepas itu (hingga) sebelum puasa, selepas itu sebelum raya, kemudian sebelum raya haji.

"Konvensyen ini memberi isyarat jelas kepada rakyat Malaysia dan dunia (bahawa) kerajaan ini bukan saja stabil, tetapi insya-Allah kekal sehingga pilihan raya umum akan datang.

"Kekal untuk apa? Untuk pastikan tatakelola baik, hentikan amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dan pasti-

kan dasar boleh memacu pertumbuhan dan membela nasib rakyat," katanya.

Berucap dalam konvensyen julung kali itu di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur pada 14 Mei, Anwar menyatakan penghargaan atas sokongan padu pimpinan semua parti seterusnya menggagalkan usaha pihak tertentu yang mendakwa memperoleh sokongan.

"Kalau ada yang masih mengigau, saya sudah lontarkan cadangan kepada mereka, bawa usul di Parlimen dan kita bertempur di Parlimen," katanya.

Tangani isu air Kelantan, Sabah

SHAH ALAM - Masalah air di Kelantan dan Sabah yang berlarutan sekian lama akan ditangani meski melibatkan perbelanjaan besar, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau telah berunding dengan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Hajiji Nor dan Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob dan mempersembahkan kepada Sultan Kelantan Sultan Muhammad V.

"Masalah air di Kelantan dan Sabah perlu ditangani kerana ia adalah masalah asas dan bukanlah hal politik," katanya dalam pertemuan bersama warga Jabatan Perdana Menteri pada 15 Mei.

Anwar bimbang usaha mengatasi masalah air di Kelantan dan Sabah mengambil masa panjang jika mengikut perancangan asal berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Beliau yang juga menteri kewangan akan mengadakan perbincangan pada peringkat Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan bagi menyelesaikan masalah bekalan air di Kelantan dan Sabah.

Anwar berkata hal kemudahan asas seperti jalan berlubang dan berlopak di sesetengah bandar juga perlu diselesaikan dengan peruntukan RM1 bilion yang disalurkan pada tahun ini.

Pertimbang naik gaji, elaun guru

SHAH ALAM - Guru antara kumpulan penjawat awam yang akan diberi keutamaan untuk mendapat kenaikan elaun dan gaji sekiranya pendapatan dan hasil negara bertambah baik kelak.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan sedar ketika ini gaji dan elaun penjawat awam seperti polis dan tentera adalah tidak mencukupi termasuk guru, lapor Bernama.

"Kita akan usahakan supaya kedudukan ekonomi lebih mantap dan hasil bertambah serta saya sudah umumkan keutamaan adalah untuk penjawat awam dan guru, termasuk polis dan tentera kerana kita sedar elaun dan gaji mereka tidak mencukupi, sepatutnya kita beri layanan lebih baik," katanya pada 16 Mei.

Tiada laporan kes penyelewengan

SHAH ALAM - Tiada laporan penyelewengan barisan Kabinet sepanjang enam bulan pentadbiran Kerajaan Perpaduan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau bertekad untuk memastikan kerajaan pimpinannya menghentikan amalan memperkaya diri dan menyalahgunakan kuasa sekali gus mengelakkan dunia memandang negatif terhadap negara.

"Pasukan pimpinan saya bertekad untuk hentikan kerosakan amalan yang runtuh nilai dan menyebabkan negara rugi serta dihina dunia akibat amalan memperkaya diri dan salah guna kuasa.

"Ini bukan perkara kecil," katanya dalam Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan di sini yang menghimpunkan 10,000 perwakilan 19 parti politik pada 14 Mei.

Bukti muafakat pimpinan utama

SHAH ALAM - Konvensyen Nasional Kerajaan Perpaduan yang menggabungkan pelbagai parti politik membuktikan permuafakatan dalam kalangan pimpinan utama.

Pengerusi Pakatan Harapan Selangor berkata elemen itu sekali gus menghapus dakwaan perpecahan dan keruntuhan gabungan berkenaan seperti diuar-uarkan sesetengah pihak.

"Hasil konvensyen ini adalah muafakat yang padu dalam kalangan pimpinan utama selain hapuskan dakwaan tentang perpecahan.

"Ini petanda baik kelompok Kerajaan Perpaduan sedia duduk satu meja, merencana dan merancang serta lupakan beberapa perbezaan dan mencari titik persamaan untuk memulihkan Malaysia sehingga tamat penggal," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 15 Mei.

Rekod 15 kes akibat cuaca panas

SHAH ALAM - Sebanyak 15 kes kumulatif berkaitan cuaca panas direkod manakala bilangan kematian kekal satu kes, kata Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa.

Menjelaskan keadaan terkawal, beliau berkata kementerianya bersedia dari segi rawatan manakala pengarah hospital dan pengarah kesihatan negeri diarah berwaspada, lapor Bernama.

"Sebanyak 15 kes itu membabitkan empat kes strok haba, lima kes kelesuan haba dan enam kes kekejangan haba.

"Selain satu kematian yang melibatkan kanak-kanak berusia 11 tahun di Kelantan tempoh hari, mereka semua telah diberi rawatan di hospital dan telah pulih," katanya pada 16 Mei.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkaitan kerajaan belum berhasrat untuk mengisytiharkan darurat ekoran fenomena El-Nino di negara ini.

Ekonomi kembang, keluar dari krisis

SHAH ALAM - Ekonomi Malaysia mencatat perkembangan lebih baik daripada jangkaan sebanyak 5.6 peratus pada suku pertama 2023.

Gabenor Bank Negara berkata pertumbuhan tersebut didorong perbelanjaan sektor swasta selain disokong antaranya pengembangan perbelanjaan isi rumah dan pelaburan berterusan.

"Pasaran buruh terus kukuh pada suku pertama 2023 dan dijangka kekal menyokong permintaan dalam negeri.

"Seluruh ekonomi tidak lagi berada dalam krisis dan, malah, terus mendapat kekuatan," kata Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus seperti dilapor Bernama pada 12 Mei.

Jelasnya, penggunaan swasta meningkat sebanyak 5.9 peratus, pelaburan swasta (4.7 peratus) dan pelaburan awam (5.7 peratus). Bagaimanapun, penggunaan awam merosot 2.2 peratus berikutan perbelanjaan rendah.

Menang enam anugerah dunia

SHAH ALAM - Kejayaan Nusaybah Maszlee, 24, menang enam Anugerah Siswa Cemerlang di Universiti Georgetown, Qatar membuktikan rakyat negara ini mampu bersaing pada peringkat dunia.

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah

menzahirkan rasa sukacita dan bangga atas kejayaan itu, lapor Bernama.

"Semoga kecemerlangan beliau menjadi inspirasi kepada seluruh rakyat khususnya generasi muda untuk bekerja keras dan memberi yang terbaik bagi mencapai kejayaan dalam bidang masing-masing," menurut kenyataan Istana Negara pada 12 Mei.

Selain memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 4.0, Nusaybah, anak sulung bekas Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik, menang anugerah Suma Cum Laude (pelajar paling cemerlang), anugerah pingat dekan, tesis terbaik, anugerah pelajar paling cemerlang pengkhususan politik dan hubungan antarabangsa.

Bina jambatan sepanjang 1.5KM

Mercu tanda baharu Petaling Jaya

Oleh **AZIAN AZIZ**

PETALING JAYA - Selangor bakal memiliki mercu tanda baharu apabila jambatan ikonik sepanjang 1.5 kilometer (KM) yang menghubungkan Seksyen 13 dan Seksyen 52 di sini siap dibina.

Pembinaan laluan pejalan kaki tersebut salah satu daripada tiga projek utama dalam Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 13. Dua lagi ialah pembi-

naan 'Linear Park' dan 'Walkable Street'.

Ahli Dewan Negeri Bukit Gasing R Rajiv berkata mercu tanda itu projek jangka panjang yang disiapkan berperingkat bergantung kepada pembangu-

naan di Seksyen 13. "Jambatan ikonik ada taman di atas jejantas dan arca sepanjang laluan. Jejantas ini untuk kegunaan pejalan kaki dan penunggang basikal sahaja," katanya pada 11 Mei.

Menurut Rajiv, projek 'Linear Park'

akan dibina sepanjang cabang Sungai Penchala yang berpotensi untuk dijadikan kawasan hijau bagi menghidupkan semula keindahan semula jadi.

"Walkable Street' yang melibatkan kawasan pejalan kaki bagi keseluruhan Seksyen 13 mula dibina sejak 2019 dan sedang disiapkan.

"Projek ini menggalakkan orang ramai berjalan kaki dan kurang bergantung kepada kenderaan bermotor bagi menanganai masalah kesesakan."

Giat promosi produk negeri

SHAH ALAM - Jaringan perniagaan menerusi eksport, perbekalan dan pemasaran produk halal tempatan diteroka menerusi penyertaan usahawan Selangor dalam ekspo antarabangsa, kata exco industri halal.

Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata menerusi penyertaan dalam Ekspo Salon International De L'alimentation (SIAL) (Makanan dan Minuman) serta Ekspo Halal Kanada (HEC) di Ontario, Kanada baru-baru ini membuka pelu-

ang penerokaan pemasaran produk halal tempatan secara lebih meluas.

"Expo SIAL merupakan acara tahunan yang mempromosikan makanan dan minuman dilaksanakan di seluruh dunia yang telah bertapak selama 15 tahun.

"Kami menjalankan jaringan perniagaan dalam sektor pengeksportan, perbekalan dan pemasaran produk halal tempatan di Kanada," katanya di Facebook pada 16 Mei.

Mohd Zawawi berkata Kerajaan Ne-

geri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan turut melibatkan usahawan dan pengusaha kecil dan sederhana (PKS) untuk turut memasarkan produk tempatan di reruai Usahawan Malaysia pada pameran berkenaan.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri mengumumkan Persidangan Halal Antarabangsa Selangor (Selhac) diteruskan tahun ini bagi menggerak dan membangunkan industri halal negeri dengan peruntukan sebanyak RM700,000.

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

SERTAI LEBIH 1 JUTA KOMUNITI DIGITAL MEDIA SELANGOR



MediaSelangor



Selangor Journal



Selangor TV



Selangor TV



Media_Selangor



mediaselangor



t.me/MediaSelangor



@Selangortv



Media Selangor Sdn Bhd

Layari portal berita selangorkini.my hari ini untuk kemaskini berita khusus untuk warga Selangor





INDAH... Penduduk membersihkan kawasan untuk dijadikan kebun komuniti di Taman Bukit Teratai, Ampang Jaya pada 16 Mei. Foto SHAMZ JOHAN

Babit sisa makanan sejak Ramadan

Kutipan sampah bertambah 400 tan

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) merekod peningkatan 400 tan atau enam peratus kutipan sampah domestik khususnya sisa makanan.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir menjelaskan statistik tersebut dicatat sejak Ramadan hingga sambutan Aidilfitri iaitu mulai 23 Mac hingga 10 Mei.

Beliau berkata kutipan sampah lazimnya secara purata dianggarkan kira-kira 7,000 tan sehari tetapi jumlah itu meningkat kepada purata lebih 7,400 tan berbanding tempoh sama tahun lalu.



"Namun, peningkatan kadar kutipan sampah itu sudah dijangka menerusi bazar Ramadan dan rumah terbuka sempena Aidilfitri," katanya pada 11 Mei.

Ramli berkata kutipan pada hari raya pertama dan kedua tahun ini sedikit menurun berbanding tahun

lalu kerana pengumuman cuti awal dan orang ramai mula pulang beraya di kampung.

"Sepanjang dua hari (1 dan 2 Syawal) lalu, kutipan keseluruhan hanya melibatkan kira-kira 7,700 tan," katanya.

Beliau menambah kutipan sampah juga meningkat ekoran bilangan penduduk yang kian bertambah selain pembukaan banyak perumahan baharu.

"Saya seru orang ramai yang membuat acara rumah terbuka agar sediakan tong sampah dan elak pembaziran sepanjang Syawal ini," katanya.

Perluas khidmat van percuma

HULU LANGAT - Perkhidmatan van transit atas permintaan (Demand Responsive Transport-DRT) akan diperluas ke seluruh negeri berikutan sambutan baik.

Menurut EXCO pengangkutan awam, usaha tersebut dimulakan sebaik tempoh percubaan projek rintis di Bandar Puteri Puchong bermula Mac lalu berakhir bulan depan.

Ng Sze Han menambah inisiatif pentadbiran negeri itu menyelesaikan

masalah pergi dan balik pengguna pengangkutan awam dari rumah ke lokasi terpilih.

"Kita akan buat pelancaran DRT bawah program Selangor Mobiliti selepas tiga bulan tempoh percubaan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kinrara pada Mac lalu.

"Buat masa ini, percubaan kedua DRT akan dilaksanakan bulan depan di kawasan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari iaitu DUN Sungai Tua,"

katanya.

Perkhidmatan DRT Bandar Puteri Puchong melalui 17 kawasan perumahan dan 20 hentian komersial antaranya stesen LRT Bandar Puteri dan Taman Perindustrian serta Hospital Columbia Asia.

Pengangkutan percuma yang dilengkapi perisian pintar bagi memudahkan pengguna merancang perjalanan melalui bank utama, restoran dan tiga stesen bas perantara sedia ada dalam zon.

Elak warga asing sewa premis niaga

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) tidak berkompromi terhadap peniaga warga asing di Kompleks Pasar Besar Jalan Meru sebaliknya hanya warganegara layak memohon premis.

Pengarah Jabatan Pengurusan Pasar dan Penjaja berkata bancia mendapati peniaga dan pemegang lesen di situ adalah rakyat tempatan, manakala warga asing sebagai pembantu, lapor Bernama.

"MPK akan mengambil tindakan sitaan serta-merta selain pembatalan premis dan pembatalan lesen ke atas penyewa yang menyewakan premis kepada warga asing," kata Azhar Samsudin pada 11 Mei.

Menurutnya, pemantauan berterusan dibuat bagi memastikan tiada warga asing berniaga sebaliknya tindakan akan diambil ke atas peniaga yang menyewakan premis kepada kelompok berkenaan.

Bina tiga lagi pusat kitar semula

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) akan membina tiga lagi kemudahan pusat kitar semula bahan (MRF) pada tahun ini.

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir berkata lokasi itu di Kuala Langat, Hulu Selangor dan Selangor, menjadikan keseluruhan enam MRF beroperasi di negeri ini.

"Tiga pusat kitar semula sudah beroperasi sekarang, kita rancang tahun ini buka lagi tiga, sekarang yang ada di Klang, Subang Jaya dan Cyberjaya," katanya pada 11 Mei.

Ramli menjelaskan MRF berkemampuan untuk memproses barang kitar semula bagi menghasilkan pelbagai produk baharu.

Peliharaan 91,080 hektar hutan

KUALA SELANGOR - Selangor dianggap bertuah berikutan memiliki hutan paya gambut seluas 91,080 hektar membabitkan Hutan Simpan Raja Musa di sini dan Hutan Simpan Kuala Langat.

Pengarah perhutanan negeri berkata usaha memulihara dan memeliharanya dipergiat bagi mengimbangi musim kemarau selain berfungsi sebagai kawasan tadahan air dan mencegah banjir.

"Jika musim hujan bantu kawasan sekitar supaya tidak dilimpahi air lebih manakala kalau kemarau akan bantu mengimbangi paras air," kata Azhar Ahmad pada 10 Mei.

Beliau menjelaskan proses pendengaran awam turut diadakan bagi mengelak penyahwartaan hutan selain memiliki rancangan pengurusan dengan kerjasama pentadbiran negeri.

Pantau rapi hutan mudah terbakar

KUALA SELANGOR - Jabatan Perhutanan Negeri Selangor memantau rapi kawasan hutan yang mudah terbakar berikutan cuaca panas dan kering ketika ini.

Pengarahnya Azhar Ahmad berkata sistem analisis data kawasan panas menjadi rujukan bagi pemantauan bersepadu untuk mengesan kemungkinan kebakaran akibat cuaca melampau.

Beliau turut mengarahkan pasukannya bersiap sedia di kawasan titik panas selain menggunakan khidmat dron jika lokasi itu terlalu jauh.

"Apabila maklumat diterima, kita akan buat pemantauan dan rondaan ke lapangan mengikut kawasan yang dinyatakan," katanya selepas melawat Hutan Simpan Raja Musa di sini pada 10 Mei.

796,000 pokok ditanam sejak 2021

KUALA SELANGOR - Lebih 796,000 pokok ditanam di Selangor sepanjang Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 bagi menghidupkan persekitaran di negara ini.

Pengarah Perhutanan Negeri Azhar Ahmad menjelaskan angka tersebut dijangka bertambah susulan maklum balas positif berhubung kempen berkenaan.

"Kita sasar tanam 100 juta pokok, justeru penyertaan semua pihak amat dialu-alukan," katanya pada 10 Mei.

Terdahulu, beliau bersama delegasi Dialog Kebangsaan Global Environment Facility Cycle-8 (GEF-8) melawat Hutan Simpan Raja Musa di sini.

Peserta kempen boleh mendaftar di laman sesawang www.100jutapokok.gov.my/

Selgate rai anak yatim, warga emas

SHAH ALAM - Seramai 92 anak yatim dan sembilan warga emas dirai dalam Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kumpulan Selgate pada 11 Mei.

Mereka menerima duit raya daripada Yayasan Selgate yang disampaikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Selgate Corporation Noor Hisham Mohd Ghouth.

Anak-anak yatim berkenaan dari Rumah Amal al-Firdaus, Denai Alam dan Rumah Amal Budi Bistari, Alam Nusantara, Shah Alam.

Sembilan warga emas pula daripada Pusat Jagaan Warga Tua Sri Tanjung, Sungai Buloh dan Pusat Jagaan dan Rawatan Orang Tua al-Ikhlis, Puchong.

DALAM MAHKAMAH TINGGI / RENDAH SYARIAH KES MAL NO. : 2304-L1610-122-0357

Antara

Plaintif / Pemohon:

AMNI SHAFIKAH

Dengan

Defendan / Responden: - KEPADA: **DAMSARI BIN MONAN** No. K/P: N/A
AMBIL PERHATIAN bahawa kamu hendaklah hadir ke Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, Persiaran Kemajuan, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, No. Tel.: 03-89125145, No. Fax.: 03-89128169
Pada: **25 Mei 2023** jam **02:30 petang**

Bicara Tuntutan Wali Nasab oleh Plaintif / Pemohon. Hadir/tidak, keputusan dibuat bertarikh: **25 Mei 2023**

Guru agama perlu kuasai teknologi

SHAH ALAM - Guru agama perlu menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi bagi mengelak ketinggalan dengan perubahan zaman, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pendidik juga perlu berani berubah serta mendalami sumber baharu dengan lebih berkesan untuk berkomunikasi bersama pelajar.

"Bidang pendidikan ini sentiasa

berdepan cabaran dan cabaran itu turut berubah mengikut perkembangan zaman. Justeru, guru agama tidak boleh ketinggalan.

"Peranan guru penting dalam membentuk insaniah tetapi guru juga perlu tahu peralatan yang berada di sekitar, bukan setakat gajet tetapi juga aplikasinya," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri sambutan Hari Guru anjuran Jabatan

Agama Islam Selangor pada 16 Mei.

Amirudin berkata persediaan mengajar tidak hanya terhad menerusi buku tetapi sumber rujukan semakin luas dalam pelbagai platform.

"Cabaran pendigitalan ini membentuk perubahan frekuensi dengan sangat pantas dan ia turut mempengaruhi budaya dan sikap. Ini harus disadari guru," katanya.

Wakil Hulu Langat kuasai tilawah negeri

Baca kitab suci enam jam sehari

Oleh **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Minat mendalam terhadap al-Quran dan kerap membaca kitab suci itu antara amalan Izzat Azizi Zainal, 31, hingga dinobatkan johan qari tilawah peringkat Selangor pada tahun ini.

Mengimpikan gelaran berkenaan sejak 2013, guru tajwid sekolah rendah swasta itu meluangkan masa dari jam 9 malam hingga 3 pagi pada setiap hari untuk memperbaiki kema-

hiran bacaan.

"Syukur apabila nama diumumkan sebagai juara. Perjalanan masih jauh dan harapan saya sekiranya ada rezeki mahu menang peringkat kebangsaan.

"Bagi saya, kita perlu paksa diri (dan) berusaha membaca al-Quran dan lama kelamaan rasa cinta pada kitab suci ini sehingga rasa sayang kalau tidak bacanya satu hari," katanya pada 12 Mei.

Johan qariah Nor Ruzana Natiyah Jaafar, 40, pula tidak berputus asa untuk menyertai semula pertandingan itu selepas berehat hampir lima tahun

berikutan sakit dan kehilangan suara.

"Sejak 2018, saya berehat kerana pernah alami sakit sehingga hilang suara. Tahun ini, rezeki saya terpilih sebagai juara. Terima kasih atas sokongan dan doa suami dan ibu bapa.

"Tiada rahsia apa-apa, yang saya amalkan adalah sentiasa bermujahadah dan kerap berjumpa guru untuk menuntut ilmu walaupun tidak sertai pertandingan tilawah," katanya.

Kedua-duanya bakal mewakili Selangor sempena Majlis Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan yang dijadual berlangsung di Butterworth, Pulau Pinang pada bulan hadapan.

Kembar unggul hafazan al-Quran

SHAH ALAM - Pasangan kembar mengungguli kategori hafazan al-Quran 1 hingga 30 juzuk apabila mereka muncul sebagai johan dan naib johan peringkat Selangor.

Johan Muhammad Izzul Affan Sazali, 19, turut menang anugerah peserta terbaik keseluruhan manakala abangnya Muhammad Izzul Afnan Sazali, 19, naib johan kategori sama.

"Saya tidak sangka kemenangan berpihak kepada saya kerana bagi saya ba-

caan dan tajwid abang (Muhammad Izzul Afnan) lebih lancar dan sedap didengar.

"Apapun, saya bersyukur dan berterima kasih kepada ibu bapa yang mendidik dan sentiasa menyokong kami," katanya yang mewakili Kuala Langat bersama-sama abangnya.

Mereka menyertai Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran 2023 peringkat negeri di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 12 Mei.

Muhammad Izzul Affan menjelaskan

beliau dan abangnya berlatih setiap hari bersama bapa mereka yang juga guru maahad tahfiz swasta dan sering mengulangi bacaan ayat kitab suci itu.

"Setiap hari kami luang masa hampir lapan jam untuk uji daya ingatan dengan menghafal bacaan al-Quran," katanya.

Muhammad Izzul Affan yang memperoleh 95.80 peratus menerima hadiah kepingan emas (gold bar) bernilai RM10,000 dan wang tunai RM10,000.

Teroka kerjasama perpustakaan AS

SHAH ALAM - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) meneroka peluang kerjasama dengan Perpustakaan Kongres (LOC) Washington, Amerika Syarikat (AS) bagi memajukan industri buku.

Pengarah PPAS Datin Paduka Mastura Muhammad berkata mereka juga mahu menjalin kerjasama dalam bidang selain aspek penulisan pendidikan dan latihan dalam perbincangan baru-baru ini.

"Antara intipati perbincangan dalam kerjasama ialah saling berkongsi maklumat, pengalaman dan kepakaran. PPAS dan LOC juga bersetuju mempromosi koleksi dan aktiviti kedua-dua pihak," katanya pada 12 Mei.

Mastura berkata kerjasama itu dijangka membuka lebih banyak peluang kepada masyarakat khususnya di Selangor untuk menambah nilai maklumat hasil perkongsian kepakaran

dengan LOC.

Jelasnya, ia selari dengan cadangan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari supaya PPAS menjalin kerjasama dengan Perpustakaan Negara AS itu bagi melebar luaskan pengetahuan rakyat.

Pada 3 Mei, kunjungan delegasi Kerajaan Selangor ke LOC diketuai EXCO Industri dan Perdagangan Dato' Teng Chang Khim.



GELECEK... Pemain Selangor FC U18 memperdaya pemain Sabah FC dalam aksi Piala Belia 2023 di Stadium Mini Persada Plus, Subang Jaya pada 13 Mei. Skuad muda Gergasi Merah menang 4-0. Foto Facebook Selangor FC

Malaysia ketujuh di bawah Filipina, Kemboja

Sekadar raih 34 emas Sukan SEA

Oleh **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Malaysia sekadar menduduki tempat ketujuh keseluruhan Sukan SEA Kemboja 2023 dengan kutipan 34 pingat emas, 45 perak dan 97 gangsa.

Pencapaian itu menyaksikan kontinjen negara gagal memenuhi sasaran 40 emas, keputusan terburuk dalam sejarah penyertaan kejohanan dwitahunan itu.

Lebih mengecewakan apabila Malaysia yang menghantar 676 atlet berada di bawah Singapura, Filipina dan Kemboja.

Dalam temasya di Hanoi, Vietnam tahun lalu, Malaysia pada kedudukan keenam keseluruhan mengutip 39 emas, 45 perak dan 90 gangsa.

Hari terakhir saingan pada 16 Mei menyaksikan Malaysia berjaya menambah empat emas menerusi atlet sukan tari Sam Jee Lek, pasukan hoki lelaki

dan wanita serta atlet tinju Ahmad Nor Iman Hakim Rakib.

Selepas 11 hari saingan, Vietnam muncul juara keseluruhan apabila mengutip keseluruhan 136 emas, 105 perak dan 114 gangsa, diikuti Thailand (108 emas, 95 perak, 108 gangsa) manakala Indonesia di tempat ketiga 85-81-109.

Tuan rumah Kemboja berada di kedudukan keempat diikuti Filipina dan Singapura.

Gombak FA idam juara liga FAS

SHAH ALAM - Gombak FA yakin persiapan rapi dan pemilihan pemain membantu mereka menjuarai Liga Super FAS musim ini sekali gus layak ke pentas Selangor Champions League (SCL).

Pengurusnya Ab Rahim Bakar berharap kehadiran beberapa pemain berpengalaman mampu membantu meningkatkan persembahan pemain muda.

Katanya, mereka antaranya Azreen Zulkafali yang pernah menarung jersi Selangor dan PKNS FC selain dua bekas pemain Kuala Lumpur Muhammad

Syazwan Mohamed Rani serta Nur Hakim Adzhar.

Bekas pemain Kelantan FA dan Negeri Sembilan Muhammad Izuan Salahuddin turut membarisi skuad tersebut.

"Pastinya sasaran juara kerana mahu layak ke SCL, pencapaian terbaik sebelum ini menduduki tempat ketiga dalam peringkat kumpulan.

"Saya yakin ia boleh dicapai dengan persiapan rapi telah dibuat," katanya pada 14 Mei.

Pada aksi pembukaan 14 Mei lalu, pasukan itu menang 9-0 ke atas SIA FC

dan perlawanan seterusnya menentang Sun Rider FC (20 Mei) dan Teleflow FC (28 Mei).

Diletak dalam kumpulan A, pasukan itu bakal berdepan MBPJ FC pada 11 Jun, MPKJ FC (18 Jun), PIB FC (24 Jun), Anak Kalumpang FC (15 Julai) dan MP Klang FC (23 Julai).

Majlis pelancaran jersi dan pengenalan pemain Gombak FA disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang juga penaung Persatuan Bola Sepak Daerah Gombak pada 13 Mei.

Azizulhasni juara acara pecut

SHAH ALAM - Jaguh berbasikal trek negara Datuk Mohd Azizulhasni Awang mengungguli acara pecut lelaki elit Kejohanan Berbasikal Trek Kebangsaan 2023 di Velodrom Nasional, Negeri Sembilan pada 16 Mei.

Dalam aksi penentuan pingat emas, The Pocket Rocketman yang mewakili Terengganu menewaskan Muhammad Shah Firdaus Sahrom yang mewakili Johor, lapor Bernama.

Seorang lagi pelumba Johor Muhammad Ridwan ketiga mengatasi wakil Selangor Muhammad Fadhil Mohd Zonis.

"Sejujurnya perlumbaan memang sengit sebab kita semua memang rakan seperlatihan dan semuanya bertaraf dunia macam Muhammad Shah Firdaus. Namun, sebenarnya saya dapat menjangka pertaruhan semasa final agak susah namun ia satu perlumbaan yang menarik," katanya.

Olahraga cemerlang tepati sasaran

SHAH ALAM - Majlis Sukan Negara (MSN) mendedahkan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) berjaya mencapai sasaran ditetapkan apabila membawa pulang lima pingat emas di Sukan SEA Kemboja.

Pengarah Bahagian Atlet Jefri Ngadirin berkata KOM menetapkan sasaran akhir berkenaan berdasarkan prestasi semasa atlet selain mengambil kira kekuatan pencabar dari negara-negara Asia Tenggara lain.

"Sasaran akhir memang lima emas, jadi tidak timbul isu sukan olahraga tidak mencapai sasaran yang ditetapkan," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 16 Mei.

Beliau mengakui skuad olahraga berpeluang membawa pulang lapan emas dari Kemboja sekiranya beberapa isu berbangkit dapat diselesaikan lebih awal sebelum temasya bermula.

Azam persembahan terbaik di Piala Asia

SHAH ALAM - Harimau Malaya berazam untuk mempamer persembahan terbaik walau berdepan saingan tiga negara lain dalam Piala Asia AFC 2023 antara 12 Januari hingga 10 Februari 2024.

Ketua Jurulatih Kim Pang Gon menyedari kesukaran yang bakal dihadapi pasukannya selepas diundi bersama Korea Selatan, Bahrain dan Jordan dalam kumpulan E.

"Korea Selatan ialah antara pasukan yang terbaik, kami akan cuba yang terbaik untuk bersaing dengan mereka untuk membanggakan rakyat Malaysia," katanya pada 11 Mei.

Malaysia akan menentang Jordan dalam aksi pembukaan pada 15 Januari, diikuti Bahrain (20 Januari) dan Korea Selatan pada 25 Januari.



HASNUL BAHARUDDIN
Morib

meninjau jualan murah di dewan orang ramai Kampung Kelanang, Kuala Langat

BORHAN AMAN SHAH
Tanjung Sepat

menghadiri rumah terbuka Aidilfitri Kampung Sungai Kelambu, Kuala Langat



EAN YONG HIAN WAH
Seri Kembangan

mengedar risalah di pasar Kampung Baru, Subang Jaya

JUWAIRIYA ZULKIFLI
Bukit Melawati

melawat reruai juadah di rumah terbuka Jabatan Kerja Raya, Kuala Selangor



ROJNI SOHAR
Hulu Bernam

memberi duit raya kepada kanak-kanak di Felda Sungai Tengi Selatan, Hulu Selangor

RAJIV RISHYAKARAN
Bukit Gasing

menghadiah bunga sempena Hari Ibu di pasar Seksyen 17, Petaling Jaya



ROZANA ZAINAL ABIDIN
Permatang

menyampaikan duit raya kepada warga emas di kawasan DUN beliau

AHMAD MUSTAIN OTHMAN
Sabak

meraikan tetamu rumah terbuka di Kampung Parit 11, Sabak Bernam



332 keluarga dibantu setiap bulan

SHAH ALAM - Seramai 332 keluarga berpendapatan rendah di Dewan Undangan Negeri Sungai Air Tawar menerima Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) RM300 sebulan.

Wakil rakyatnya Datuk Rizam Ismail berkata inisiatif bu-
lanan itu memberi manfaat besar kepada keluarga berkenaan dalam menyedi-



akan keperluan harian.

"Ramai memohon tetapi kuota tidak banyak. Bagaimanapun, kami membuat rayuan permohonan supaya lebih ramai penduduk mendapat bantuan ini.

"Majoriti penduduk berpendapatan rendah dan rata-rata mereka bekerja kampung. Mereka juga banyak tanggungan dan perlu dibantu,"

katanya pada 15 Mei.

BINGKAS sebahagian 46 insentif Iltizam Selangor Penyayang yang dilancarkan tahun lalu dan memanfaatkan lebih 30,000 keluarga menerusi peruntukan RM108 juta.

Menggantikan skim Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan KISS IT (Ibu Tunggal), bantuan RM300 sebulan atau RM3,600 setahun diagih melalui aplikasi e-dompet Wavpay.

Tingkat kemudahan sukan

Fokus selesai isu kesesakan lalu lintas

Oleh **DIANA ABD WAHAB**

SUBANG JAYA - Penambahbaikan prasarana dan kemudahan sukan antara usaha Ahli Dewan Negeri (ADN) Kinrara sepanjang berkhidmat di situ.

Ng Sze Han menjelaskan kawasan-nya pengundi paling ramai di Malaysia, bahkan jumlah melebihi sebahagian penduduk sesebuah kerusi parlimen.

"Dengan jumlah penduduk yang padat, ada pelbagai masalah di DUN Kinrara. Satu masalah utama adalah kesesa-

kan lalu lintas dan kemudahan sukan.

"Telah banyak perubahan dibawa ke Kinrara dalam beberapa tahun lepas. Kita tambah dua gelanggang bola keranjang berbumbung di Puchong dan tambah satu lagi kemudahan sama,"katanya pada 14 Mei.

Beliau berkata penyambungan beberapa laluan antara usaha bagi memudahkan penduduk bergerak se-



lain mengelak kenderaan bertumpu di Lebuhraya Damansara Puchong.

Pada 14 Julai tahun lalu, laluan baharu di Jalan Kinrara 6 yang bersambung dengan Persiaran Puncak Jalil dibuka bagi memanfaatkan kira-kira 40,000 penduduk di sekita kawasan terbabit.

Jalan yang dibuka dengan kos lebih RM7 juta turut melibatkan binaan sistem saluran dan memudahkan orang ramai keluar masuk ke Kuala Lumpur.

Lampu tingkat keselamatan penduduk

KLANG - Hampir 40 lampu diod pemancar cahaya (LED) berkuasa solar akan dipasang di beberapa kampung sekitar Pelabuhan Klang.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pelabuhan Klang Azmizam Zaman Huri berkata empat perumahan menerima manfaat antaranya Kampung Pandamaran Jaya dan Taman Dato' Sanad.



"Lampu solar juga akan dipasang di kawasan perkuburan Islam di Kampung Perigi Nanas dan taman permainan Kampung Pendamar.

"Semua lampu ini demi kemudahan penduduk setempat kerana kawasan sekitar gelap dan memerlukan cahaya demi keselamatan mereka," katanya pada 11 Mei.

Menerusi Belanjawan 2023, peruntukan RM28 juta bawah projek Selangor Penyayang disediakan bagi merencanakan ekonomi setempat melalui penyediaan projek kecil demi manfaat rakyat setempat.

Keutamaan diberi kepada projek penyelenggaraan dan naik taraf prasarana serta pembangunan kemudahan awam kerajaan termasuk yang tidak ada peruntukan penyelenggaraan tahunan.

RM100,000 atasi limpahan longkang

PETALING JAYA - Projek mitigasi banjir bernilai hampir RM100,000 bagi mengatasi masalah limpahan air longkang ke rumah penduduk di Jalan SS 2/6 di sini selesai dilaksanakan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kampung Tunku berkata naik taraf kira-kira 500 meter oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada akhir Ogos tahun lepas siap sepenuhnya pada Januari.

"Masalah berpunca akibat kawasan rumah penduduk rendah hingga menyebabkan aliran air longkang melimpah masuk ke rumah mereka setiap kali hujan lebat.

"Justeru, MBPJ menaik taraf kawasan hiliran di Jalan SS 2/9 (Masjid Aminah Al-Mukhairi) dan telah membina benteng bagi menghalang air longkang daripada melimpah," kata Lim Yi Wei pada 12 Mei.

Pejabat parlimen PJ dibuka

PETALING JAYA - Pusat Khidmat Parlimen Petaling Jaya kini dibuka di Jalan Othman di sini mulai 10 pagi hingga 4 petang bagi membantu orang ramai.

Wakil rakyatnya Lee Chean Chung mengakui beliau sebelum ini tidak ada pejabat rasmi sejak dipilih sebagai ahli parlimen pada November tahun lalu.

"Sebelum ini, saya bertemu rakyat secara bergerak. Tetapi kerja kita tidak terjejas pun. Cuma sekarang lebih selesa dan teratur.

"Saya pilih kawasan ini kerana ia lokasi strategik, berdekatan Terminal Bas Jalan Othman, sekali gus dapat mempromosi perkhidmatan awam," katanya pada 13 Mei.

Lebih 2,000 hadir rumah terbuka

KUALA SELANGOR - Rumah terbuka Aidilfitri Parlimen Kuala Selangor dan Dewan Undangan Negeri Bukit Melawati meriah dengan kehadiran lebih 2,000 tetamu.

Wakil rakyat Juwairiya Zulkifli berkata tetamu pelbagai kaum bukan hanya dalam kalangan penduduk di situ sebaliknya disertai penduduk parlimen berhampiran.

"Kita turut menyumbang mesin pencetak dan komputer kepada agensi daerah iaitu polis, bomba, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia serta jabatan kesihatan.


"Kita turut agih sumbangan duit raya kepada 60 penghuni Rumah Kebajikan Anak Yatim Islam Aitam serta 300 kanakkanak yang hadir,"katanya pada 13 Mei.

Majlis turut dihadiri Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari serta Ahli Parlimen Kuala Selangor Datuk Seri Dr Dzulkifly Ahmad.

AHLI DEWAN NEGERI BATU TIGA **RODZIAH ISMAIL**

- **Umur:**
59 tahun
- **Falsafah hidup**
Biasakan yang betul, betulkan yang biasa
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**
Jururunding kanak-kanak, aktivis wanita dan usahawan

- **Alamat pejabat ADN:**
No.93A Tingkat 1, Jalan Pelabur B 23/b, Seksyen 23, 40300, Shah Alam
- **Nombor telefon ADN:**
03-5542 1036
- **Facebook:**
Rodziah Ismail
- **E-mel:**
rodziahismail@selangor.gov.my



Kekal kalimah 'Allah',
junjung titah Sultan

2

JER diiktiraf Malaysia
Book of Records

4

Bukti kerajaan
kukuh, stabil

17

selangorkini



Isytihar darurat jika panas melampau

SHAH ALAM - Kerajaan sedia mengisytiharkan darurat jika cuaca panas di negara ini mencapai tahap suhu melampau.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Zahid Hamidi berkata Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan diaktifkan termasuk pengisytiharan darurat jika cuaca panas melampau berterusan, lapor Bernama.

"Kita sedang pantau 24 jam. Kalau ada darurat kita akan buat pengumuman. Buat masa ini belum lagi," katanya pada 16 Mei.

Beliau Pengerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berkata operasi pembenihan awan juga akan dilakukan di tujuh lokasi bagi mengisi empangan antaranya di Sungai Muda dan Sungai Kedah, Sungai Melaka, Sungai Kelantan, Sungai Klang serta Sungai Similajau di Sarawak.

Mohon bantuan ANIS hingga 26 Mei

SHAH ALAM - Ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya berusia 18 tahun ke bawah dipelawa memohon bantuan khas Anak Istimewa Selangor (ANIS).

Insentif sekali bayar maksimum sehingga RM5,000 bagi satu keluarga melibatkan bantuan berbentuk makanan, pembelian alatan serta ubat dibuka mulai sehingga 26 Mei.

Turut ditawarkan subsidi yuran pendidikan meliputi terapi atau kelas khas kepada mereka yang layak berdasarkan ketetapan doktor sahaja.

Permohonan di pautan www.anisselangor.com hendaklah dicetak dan dihantar bersama dokumen sokongan.

Tarikh akhir penghantaran borang permohonan pada 5.30 petang 30 Mei (Selasa) di ibu pejabat Yayasan Warisan Warisan Anak Selangor (Yawas).

Temui Ramlah Ram di Riang Raya@PJ

SHAH ALAM - Artis terkenal Ramlah Ram dan Mamat bakal menghiburkan pengunjung rumah terbuka Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 19 Mei.

Unit Komunikasi Korporatnya berkata Riang Raya@PJ di Laman MBPJ, Petaling Jaya bermula jam 7.45 hingga 11 malam menyasar kehadiran lebih 7,000 penduduk.

"Pelbagai menu disediakan kepada pengunjung termasuk kambing bakar, sate dan rendang, aiskrim potong, laksa Sarawak, dodol, cendol dan kuih-muih.

"Kanak-kanak pula akan diberi duit raya. Orang ramai digalakkan memakai baju raya untuk memeriahkan lagi sambutan," katanya 17 Mei.

EMAS... Pasukan hoki wanita Malaysia meraikan kejayaan menewaskan Thailand dalam perlawanan akhir Sukan SEA Kemboja 2023 di Padang Hoki Stadium Nasional Morodok Techo, Phnom Penh. Malaysia menang bergaya 4-1.
Foto BERNAMA



Tayangan bermula 18 Mei

Filem Anwar di 28 pawagam negeri

Oleh **FITRI HAZIM**

SHAH ALAM - Filem Anwar: The Untold Story yang memaparkan liku perjuangan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan ditayangkan di 28 pawagam di seluruh negeri bermula 18 Mei.

Arahan pengarah dari Indonesia, Viva Westi filem ini dibintangi Farid Kamil yang menggalas watak Anwar

manakala pelakon terkenal Indonesia Acha Septriasa membawa watak Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Berlatarkan tempoh antara 1993 hingga 1998, naskah berkenaan menceritakan perjalanan hidup Anwar sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan dalam perjuangannya menentang amalan rasuah.

Karya biopik ini dijadual ditayang serentak pada 18 Mei ini dengan orang ramai di Selangor boleh memenuhi

pawagam berdekatan untuk menonton filem terbitan Yusrich Global itu.

Antara pawagam yang menayangkan filem ini adalah di GSC Summit USJ, GSC Setia City, GSC IOI Puchong, GSC One Utama, GSC Subang Parade, GSC Malawati Mall dan GSC Paradigm PJ.

Selain itu, penonton juga berpeluang menonton filem tersebut di pawagam TGV One Utama, TGV Sunway Pyramid, TGV Jaya 33, TGV Mines, TGV Bukit Tinggi dan TGV Bukit Raja.

M Nasir meriahkan rumah terbuka

GOMBAK - Pengunjung majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia Madani dihiburkan artis terkenal Datuk M Nasir, Dayang Nurfaizah dan Pija Mentor.

Lebih 35,000 pengunjung memeriahkan program berkali-kali Jelajah Kita Selangor Aidilfitri (JKSA) di Kawasan Komersial Fasa 3, Taman Sri Gombak mulai 8 hingga 11 malam pada 14 Mei di Gombak.



Majlis berkenaan turut diserikan dengan kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Hadir sama, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan isteri Datin Seri Masdiana Muhamad serta barisan menteri kabinet serta

EXCO Kerajaan Negeri.

Sebanyak 29 gerai dengan lebih 42 juadah disediakan antaranya lemang daun lerek, ketupat, rendang, sate, kambing golek, aneka kuih-muih, buah-buahan dan pelbagai jenis air balang.

JKSA berlangsung pada setiap minggu sepanjang Syawal mulai 28 April di Sepang, Hulu Selangor, Klang, Hulu Langat, Kuala Langat, Petaling, Sabak Bernam dan Kuala Selangor.